

Siri Tokoh-tokoh Sejarah



Dato' Onn Jaafar



e-man



Associated

Educational Distributors (M) Sdn Bhd

Melaka (92567-T)

Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
550 Taman Melaka Raya,
75000 Melaka.

© **Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.**
Cetakan Pertama 2004

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

e-man

Dato' Onn Jaafar/ e-man.

(Tokoh-tokoh sejarah)

ISBN 967-948-829-2 (set)

ISBN 967-948-833-0

1. Onn Jaafar, Dato', 1895-1962. 2. Ministers --Malaysia--Biography.

3. Politicians--Malaysia--Biography. I. Judul. II. Siri.

923.2595

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya,tanpa izin terlebih dahulu daripada
Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

Dicetak di Malaysia oleh:
Grand Art Printing & Packaging Sdn. Bhd.
31, Jalan Jasa Merdeka 1A,
Taman Datuk Tamby Chik Karim,
Batu Berendam,
75350, Melaka.

923-2595
ONN, O

11 MAY 2004

NASKAH PEMELUKAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01142515

PRAKATA

Penjajahan sejak ratusan tahun telah menyebabkan Malaysia menjadi sebuah negara mundur yang sering ditindas. Walaupun pelbagai pembangunan dilakukan di negara ini, namun keterbatasan dalam memimpin negara tetap ada sehingga rakyat kekal mundur.

Menyedari hakikat itu, rakyat Malaysia mula bangkit untuk mencapai kemerdekaan. Pengalihan para pemimpin pelbagai kaum telah sama-sama menggembelng tenaga untuk merealisasikan impian itu. Oleh itu muncullah pemimpin seperti Dato' Onn Jaafar dan Tun Tan Cheng Lock yang mengusulkan kemerdekaan. Kemudian tokoh-tokoh seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Siew Sin dan Tun V.T Sambanthan pula mewarisi impian tersebut sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan.

Para pemimpin seperti Tun Abdul Razak dan Tun Hussien Onn mentadbir negara selepas mencapai kemerdekaan. Tun Dr. Mahathir Mohamad pula adalah pemimpin yang mencorak Malaysia sebagai negara maju menjelang alaf baru.

Bagi mengenang jasa para pemimpin negara, **Siri Tokoh-tokoh Sejarah** memaparkan kehidupan mereka bermula dari kecil sehingga mampu mentadbir negara dengan penuh kecemerlangan. Oleh itu siri ini juga mampu dijadikan sumber rujukan untuk generasi akan datang betapa pentingnya nilai kemerdekaan dan kewibawaan pemimpin negara memacu Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya di dunia antarabangsa.

Penerbit

Kandungan

Pengenalan ✓	1
Pendidikan ✓	3
Alam Pekerjaan	5
Zaman Keperitan	8
Kebangkitan Semangat Baru	12
Bantahan	21
Penubuhan Parti Melayu UMNO ✕	26
Penubuhan Pelbagai Parti ✕	31
Rumusan Kepimpinan ✕	39
Ucapan Dato' Onn Jaafar ✕	43
Berakhir Era Pemerintahan ~	56





Dato Onn Jaafar

BAB 1

PENGENALAN Latar Belakang

Dato' Onn bin Jaafar dilahirkan di Johor Bahru pada tahun 1895. Bapa beliau Dato' Jaafar bin Haji Muhamad pernah memegang jawatan sebagai Menteri Besar Johor selama 48 tahun sejak zaman pemerintahan Almarhum Sultan Abdullah hinggalah zaman pemerintahan Almarhum Sultan Ibrahim. (Menteri Besar yang paling lama berkhidmat di Malaysia sehingga kini.)

Dato' Onn Jaafar mempunyai darah campuran. Bapanya berketurunan Melayu Bugis yang berasal dari Daik, Indonesia, manakala ibunya pula daripada keturunan Turki.

Dato' Onn Jaafar mempunyai ahli keluarga yang cukup besar. Beliau mempunyai 15 orang adik-beradik. Selain mempunyai keluarga yang besar, Dato' Onn Jaafar juga terdiri daripada keluarga elit dalam masyarakat Melayu. Tambahan pula bapanya yang menjadi Menteri Besar, sudah pasti hubungannya amat rapat dengan Sultan Johor ketika itu.

Selain itu datuk kepada Dato' Onn Jaafar juga menjadi pembesar

Johor dan abangnya juga pernah menjadi Menteri Besar Johor.

Oleh sebab keluarganya amat rapat dengan keluarga diraja Johor, Dato' Onn Jaafar dipelihara oleh keluarga diraja itu. Sebaik sahaja berusia enam tahun, Sultan Ibrahim memelihara beliau sebagai anak angkat. Beliau lebih menyayangi keluarga diraja itu dan menganggap Sultan Ibrahim sebagai bapanya sendiri.

Ketika berada di istana, Dato' Onn Jaafar belajar bersama-sama putera Sultan Ibrahim yang bernama Tengku Mahkota Ismail, Tengku Abu Bakar dan Tengku Ahmad. Keempat-empat mereka diajar oleh seorang guru wanita Inggeris yang dilantik khas untuk mendidik mereka.

Perkahwinan

Pada 3 Mei 1926, Dato' Onn Jaafar mendirikan rumah tangga dengan seorang gadis yang bernama Halimah binti Hussien. Terdahulu, beliau telah pun berkahwin dengan Rafiah, tetapi jodoh mereka tidak panjang kerana Rafiah telah kembali

ke rahmatullah ketika melahirkan anak ketiga, Salehah yang baru berusia 10 hari. Anak Dato' Onn Jaafar dengan isteri pertamanya itu ialah Hawa, Rokiah dan Salehah.

Perkahwinan Dato' Onn Jaafar dengan isteri kedua iaitu Datin Halimah dikurniakan enam orang cahaya mata iaitu Hussien, Jaafar, Nel, Nurziah, Gharieb dan Tahir. Mereka hidup bersama dengan aman bahagia selama 41 tahun.

Datin Halimah banyak membantu Dato' Onn Jaafar dalam semua hal. Segala masalah yang dihadapi oleh Dato' Onn Jaafar, terlebih dahulu dirujuk kepada isterinya untuk mendapatkan jalan penyelesaian. Bahkan Datin Halimah sanggup berkorban apa-apa sahaja demi kebahagiaan bersama.

Bahkan sepanjang perkahwinan, Dato' Onn Jaafar seorang suami dan bapa yang bertanggungjawab. Beliau sentiasa membimbing isteri dan anak-anak untuk menjadi insan yang berguna. Sikapnya yang lemah-lembut, tidak pernah marah dan kasih sayangnya yang menebal menyebabkan keluarganya hidup dalam sejahtera.

PENDIDIKAN

Pendidikan Awal

Ketika berusia tujuh tahun, Dato' Onn Jaafar dan putera Sultan Ibrahim menyambung pelajaran ke peringkat rendah di England. Mereka mendapat pendidikan di sekolah *Aldeburgh Lodge, Sufflok* selama enam tahun.

Sepanjang pendidikan Dato' Onn Jaafar di sana, beliau merupakan pelajar yang cukup pintar. Kerap kali beliau mendapat anugerah pelajar paling pintar sehingga mengalahkan pelajar-pelajar berbangsa Inggeris. Bahkan beliau merupakan seorang paling baik dalam mata pelajaran Inggeris di sekolahnya.

Kepintarannya menyebabkan pihak sekolah dan kerajaan meraguinya. Ini disebabkan kerajaan British tidak menggalakkan pelajar-pelajar dari Tanah Jahannya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini dikuatiri pelajar tersebut akan menjadi pemimpin bangsanya dan menyukarkan pihak British untuk terus menjajah.

Oleh itu Dato' Onn Jaafar disarankan pulang sahaja ke Tanah Melayu. Saranan ini menyebabkan Dato' Onn Jaafar berasa kecewa. Namun semua itu tidak mematahkan semangatnya untuk terus belajar dan seterusnya berbakti kepada bangsa.

Dato' Onn Jaafar juga mendapat pendedahan tentang agama Islam. Pendidikan agama ini dipelajari daripada ibu dan bapanya sendiri. Ini disebabkan ibu dan bapanya warak dan mempunyai ilmu keagamaan yang

tinggi.

Pendidikan agama ini diajar di rumah sahaja. Lazimnya apabila ada kelapangan, Dato' Onn Jaafar akan mempelajari agama dari bapanya, Dato' Jaafar. Oleh sebab beliau mempunyai adik-beradik yang ramai, kerap kali beliau berlumba-lumba untuk mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam lagi.

Selain mendapat didikan agama, Dato' Onn Jaafar juga diserapkan dengan nilai-nilai ketimuran sejajar dengan sifat dan status keluarganya. Dato' Onn Jaafar diajar cara menjalani kehidupan seperti masyarakat Melayu yang lain, tahu menjaga adat budaya, mesra dalam pergaulan, menghormati orang yang lebih tua dan tidak bersifat sombong. Oleh itu walaupun Dato' Onn Jaafar dilahirkan dalam keluarga bangsawan, beliau tidak pernah berasa sombong atau megah dalam pergaulan seharian.

Hasil didikan yang sempurna inilah yang menyebabkan Sultan Johor berkenan untuk mengambil Dato' Onn Jaafar sebagai anak angkat. Selain bijak dalam pergaulan ketika tinggal di istana, Dato' Onn Jaafar juga pandai membawa diri. Inilah sifat yang amat disenangi Sultan Johor ketika itu.

Pendidikan Peringkat Menengah

Sebaik sahaja pulang ke Tanah Melayu, Dato' Onn Jaafar merasakan dirinya telah berubah. Beliau lebih fasih berbahasa Inggeris daripada berbahasa Melayu. Ini disebabkan selama enam tahun beliau hanya berkawan dengan pelajar-pelajar Inggeris sehingga bercakapannya dalam bahasa Melayu bertelorkan Inggeris.

Namun begitu keadaan itu berubah apabila Dato' Onn Jaafar memasuki Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kuala Kangsar, Perak.

Di kolej itu beliau bergaul dengan pelajar-pelajar Melayu dan bahasa Melayunya mulai fasih. Beliau juga didedahkan kepada pelajaran yang lebih kemelayuan dan keagamaan. Ibu bapanya juga menekankan pendidikan agama di rumah.

Sepanjang persekolahan di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Dato' Onn Jaafar merupakan "seorang pelajar yang cerdas. Ini disebabkan sejak awal lagi beliau mendapat didikan awal di Barat. Oleh itu semua mata pelajaran yang diambil mendapat keputusan yang membanggakan. Oleh sebab itulah beliau amat disenangi guru-guru.

ALAM PEKERJAAN Kerjaya Awal

Sebaik sahaja pengajian di Kolej Melayu Kuala Kangsar tamat, Dato' Onn Jaafar memasuki dunia pekerjaan. Antara kerjaya awal yang diceburi ialah menjadi Kerani Pelatih di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Johor Bahru pada 1 September 1911. Ketika itu usianya baru mencecah 16 tahun. Kemudian beliau



Dato' Onn Jaafar memulakan kerjaya awal sebagai kerani pelatih

dinaikkan pangkat sebagai kerani di Pejabat Penasihat Am British di Johor Bahru dua bulan selepas itu.

Pada bulan Mei 1912, Dato' Onn Jaafar sekali lagi dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Kerani Besar di sebuah Pejabat Perubatan. Jawatan ini menempatkan beliau di Pejabat

Setiausaha Kerajaan dengan mendapat gaji sebanyak RM15 sebulan.

Memandangkan prestasinya yang cukup membanggakan, Dato' Onn Jaafar ditukarkan ke Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri dengan gaji permulaan sebanyak RM40. Pada bulan Oktober 1914, gaji beliau dinaikkan sehingga menjadi RM50 tetapi ditempatkan di Pejabat Imigresen. Beberapa bulan kemudian iaitu pada 28 Mac 1915, beliau ditempatkan di Pejabat Perbendaharaan.

Setelah dua tahun berkhidmat di Pejabat Perbendaharaan, minat Dato' Onn Jaafar lebih ke arah ketenteraan. Oleh itu pada tahun 1917, beliau menceburkan diri dalam bidang ketenteraan sebagai kadet dalam pasukan askar Timbalan Setia Johor di Bukit Timbalan, Johor Bahru. Pada masa itu gajinya telah meningkat sebanyak RM75. Oleh sebab kecemerlangan dalam bidang ketenteraan, beliau dilantik sebagai Leftenan.

Sepanjang berkhidmat dalam pasukan tentera, Dato' Onn Jaafar banyak didedahkan kepada kesusahan yang dialami oleh masyarakat ketika itu. Ini menyedarkan beliau betapa pentingnya membebaskan masyarakat Melayu daripada belenggu penjajah. Oleh sebab tidak berpuas hati dengan pentadbiran yang dikenakan oleh penjajah ke atas masyarakat Melayu, beliau meletakkan jawatan pada 31 Januari 1920.

Kemudian Dato' Onn Jaafar berhijrah ke Singapura. Di sana beliau menjalani kehidupan yang susah kerana terpaksa menjadi nelayan. Isteri pertamanya yang bernama Rafiah terpaksa menjual keropok, belacan, kain dan barangan tembaga atau perak untuk menambahkan pendapatan.

Setelah mengalami kehidupan yang susah beberapa bulan di Singapura, Dato' Onn Jaafar pulang ke Johor. Pada tahun 1922 beliau menyambung perkhidmatannya sebagai Pegawai Tambahsantara di Pejabat Tanah dengan gaji sebanyak RM75.

Pada 1 Januari 1923, Dato' Onn Jaafar dilantik sebagai Ketua Pejabat Kawalan di Muar dan seterusnya dilantik sebagai Penolong Pemungut Hasil Tanah. Selepas tiga tahun berkhidmat di Muar, beliau ditukarkan ke Johor Bahru.

Dunia Wartawan

Kebolehan menguasai bahasa Inggeris dengan fasih membolehkan Dato' Onn Jaafar menceburi bidang penulisan. Beliau menulis sama ada dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris. Oleh itu Dato' Onn Jaafar menulis berita-berita tentang politik dalam akhbar Malaya Tribune di Ipoh.

Minat yang mendalam dalam dunia penulisan menyebabkan Dato' Onn Jaafar berpindah ke Singapura pada tahun 1930. Beliau bertugas sebagai wartawan di akhbar Warta Malaya milik Syed Hussain Ali Alsagof selama tiga tahun. Beliau juga berkhidmat sebagai pengarang Mingguan Lembaga.

Penulisan Dato' Onn Jaafar yang mempunyai semangat nasional-

isme yang tinggi lebih berbentuk protes atas ketidakadilan penjajah. Oleh itu beliau sering menyumbangkan artikel kepada Richard Sydney iaitu pemilik akhbar Sunday Mirror di Singapura.

Selain menjadi wartawan, Dato' Onn Jaafar juga sering menterjemahkan pelbagai artikel daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Antara hasil terjemahan beliau ialah Hikayat Seribu Satu Malam yang diterbitkan oleh Penerbitan Universiti Malaya pada tahun 1978.

Dato' Onn Jaafar juga gemar membaca terutama yang berkaitan dengan politik untuk mengetahui perkembangan dunia politik sama ada di dalam atau luar negara. Oleh itu tidak hairanlah beliau menjadi seorang ahli politik yang berwibawa kemudiannya.

Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor

Ciri-ciri kepimpinan Dato' Onn Jaafar menyebabkan beliau dilantik menjadi salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor oleh Sultan Ibrahim pada tahun 1936. Namun begitu Dato' Onn Jaafar mengenakan syarat supaya perlantikan itu harus memberi peluang kepada beliau bersuara dengan bebas.

Pada 1 Jun 1938, beliau dilantik menjadi Setiausaha Sulit kepada Tengku Mahkota Johor iaitu Tengku Ismail. Pada tahun yang sama, Dato' Onn Jaafar dihantar ke Amerika Syarikat untuk mewakili Johor dalam pameran sedunia di Francisco. Dengan bantuan isterinya Datin Halimah, Dato' Onn Jaafar mengumpulkan semua hasil kraf tangan untuk dibawa ke pameran itu. Ini menyebabkan nama Johor terus gah dan rakyat Johor amat berbangga dengan kejayaan itu.

Ketika menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor, pada tahun 1940, Dato' Onn Jaafar membuat tuntutan supaya latihan dan kemahiran kepimpinan diberi kepada anak-anak Melayu dalam pentadbiran kerajaan. Namun begitu kerajaan British enggan melayan tuntutan Dato' Onn Jaafar itu.

Dato' Onn Jaafar juga mempunyai kemahiran dalam berpidato. Perlantikannya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor digunakan sebaik-baiknya untuk mengkritik kerajaan Inggeris yang suka mengambil kesempatan atas kelemahan masyarakat Melayu. Pengalaman bekerja di pelbagai jabatan, menyebabkan beliau mengetahui selok-belok kerajaan Inggeris dalam mentadbirkan Tanah Melayu. Justeru itu beliau dibenci segelintir pegawai Inggeris terutama di Johor.

Semangat nasionalisme Dato' Onn Jaafar berkembang apabila beliau sering membuat teguran setiap kali Majlis Mesyuarat Negeri Johor bersidang. Ini boleh dilihat apabila secara terang-terangan beliau berkata :

"Layanan yang berat sebelah itu pula tidak terhad kepada pegawai-pegawai British

sahaja tetapi diperluas kepada tiap-tiap orang Eropah di dalam pekerjaan Kerajaan. Dalam soal gaji, rumah-rumah kediaman dan pelbagai cara lain terdapat layanan yang sama itu dikedepikan. Apa yang melukakan hati saya ialah hakikat bahawa hinggakan pegawai-pegawai kanan Melayu yang berada di dalam Perkhidmatan Awam itu telah tertolak ke bawah oleh satu dasar yang menjadi dasar untuk memajukan pentadbir-pentadbir bagi jawatan yang lebih tinggi."

Pada masa itu Dato' Onn Jaafar bukan sahaja mengkritik pentadbiran British tetapi pendidikan. Beliau menyarankan kerajaan British supaya memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar Melayu yang cemerlang. Ini adalah untuk memastikan Tanah Melayu mempunyai pemimpin pelapis sebaik sahaja Inggeris keluar dari Tanah Melayu.

Dengan kritikan Dato' Onn Jaafar yang tajam itulah pihak Inggeris mula membuka mata. Namun kerajaan Inggeris masih belum merumuskan sama ada kritikan itu boleh menggugat kerajaan di Tanah Melayu atau sebaliknya.

ZAMAN KEPERITAN Jepun Menyerang Tanah Melayu

Perang Dunia Kedua telah meletus pada 8 Disember 1941 dan tentera Jepun telah membinasakan Pearl Harbour, Hawaii. Serentak dengan itu tentera Jepun mendarat di Kota Bharu, Kelantan, bergerak ke Johor dan seterusnya Singapura.

Pihak Jepun telah meneruskan gerakan mereka untuk menakluk Tanah Melayu. Angkatan perang Jepun mengebom kapal terbang Inggeris yang berpangkalan di Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan.

Apabila melihat keadaan ini tentera Inggeris menjadi cemas, lebih-lebih lagi apabila mendapat tahu tentera Jepun telah mengebom kapal perang Inggeris Prince of Wales dan Repulse pada 10 Disember 1941 di perairan Kuantan. Gerakan yang dilakukan tentera Jepun berjalan dengan lancar. Sebuah demi sebuah negeri di Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun.

Pada 12 Disember 1941, tentera Jepun menembusi kubu Inggeris di Jitra dan Sungai Petani. Di kawasan Pantai Timur pula Jepun menawan Terengganu dan menyeberangi Sungai Perak sehingga ke selatan.

Pada 28 Disember, tentera Jepun memasuki bandar Ipoh. Pada awal tahun 1942, tentera Jepun melancarkan serangan yang lebih hebat di Trolak dan Slim River di

Perak. Kemudian mereka menyerang pangkalan tentera Inggeris di Kampar.

Kejayaan di Kampar telah menyebabkan Jepun melancarkan lebih banyak serangan sehingga berjaya menawan Tanjung Malim. Penawanan Kuala Lumpur pada 8 Januari bererti pemerintahan Jepun di Tanah Melayu bermula.

Jepun Menawan Johor

Sebelum serangan ke atas Johor Bahru dilakukan, pihak Jepun memberi amaran supaya penduduk meninggalkan Johor Bahru. Keadaan ini menyebabkan penduduk Johor Bahru dalam ketakutan. Kebanyakan mereka bersembunyi di hutan Kempas termasuklah keluarga Dato' Onn Jaafar sendiri.

Sepanjang persembunyian di hutan Kempas keadaan menjadi tegang. Lebih-lebih lagi apabila terdapat sepasukan Jepun yang telah memasuki hutan tersebut.

Kemasukan ke dalam hutan Kempas bukanlah untuk menyerang, tetapi untuk berjumpa dengan Dato' Onn Jaafar. Bagi mereka, Dato' Onn Jaafar adalah seorang ketua Melayu yang boleh diharap walaupun Dato' Onn Jaafar sendiri berasa bimbang dengan menyatakan nama-nama pemimpin Melayu. Namun begitu tentera Jepun tetap mahukan Dato' Onn Jaafar untuk memberi kerjasama dalam pentadbiran dan masyarakat Melayu di Johor.

Tentera Jepun tidak melakukan kekerasan terhadap masyarakat Melayu di Johor. Ini disebabkan Sultan Ibrahim pernah melawat Jepun pada tahun 1935. Baginda telah dikurniakan bintang kebesaran oleh Tenno Heika iaitu anugerah yang membolehkan keluarga diraja dan para pembesar atau orang

yang berkaitan dengannya terhindar daripada ancaman Jepun.

Setelah melakukan perbincangan, Dato' Onn Jaafar telah diberikan sepucuk surat oleh pegawai tentera Jepun. Surat itu akan ditunjukkan kepada tentera-tentera Jepun supaya tidak melakukan keganasan terhadapnya.

Sepanjang berada di hutan Kempas, anaknya Salehah sempat melahirkan anak dengan dibidani oleh isterinya, Datin Halimah. Pada masa itu juga wabak penyakit menyerang penghuni hutan itu sehinggalah Dr. Awang Hassan memberi rawatan.

Setelah mengadakan perbincangan dengan pegawai tentera Jepun, akhirnya masyarakat Melayu yang tinggal di hutan pulang ke rumah masing-masing di Johor Bahru. Dato' Onn Jaafar dilantik sebagai Ketua Kawalan Makanan Johor dari tahun 1942 hingga 1945.

Pada masa itu bekalan makanan adalah terhad. Dato' Onn Jaafar terpaksa mengagih-agihkan makanan dengan sebaik mungkin. Beliau juga turut membekalkan makanan kepada pejuang-pejuang yang bergerak secara sulit menentang Jepun.

Perang Dunia Kedua berakhir pada 12 September 1945 apabila Amerika Syarikat menyerang dua bandar raya Hiroshima dan Nagasaki.

Kesan Pendudukan Jepun

Sebaik sahaja Perang Dunia Kedua berakhir, tentera Jepun meninggalkan Tanah Melayu dan diambil alih oleh Inggeris semula. Namun begitu sebelum Inggeris berkuasa penuh di Tanah Melayu, huru-hara berlaku.

Sejak pendudukan Jepun, kebanyakan tentera Jepun memberi

layanan yang buruk terhadap orang Cina. Ini disebabkan negara China sering berperang dengan Jepun. Oleh itu tentera Jepun amat benci kepada orang-orang Cina sehingga melakukan penindasan terhadap mereka.

Tentera Jepun bekerjasama dengan masyarakat Melayu dan India. Oleh itu kedapatan di kalangan orang Melayu dan India dilantik menjadi tentera. Oleh itu masyarakat Cina mula membenci masyarakat Melayu yang dikatakan mengambil kesempatan bermusuhan dengan orang Cina. Mereka berdendam terhadap orang Melayu.

Apabila Jepun menyerah kalah dan keluar dari Tanah Melayu, hubungan antara dua kaum itu terus tegang. Pergaduhan sering terjadi. Selain itu tentera Jepun juga bermusuhan dengan komunis. Memandangkan komunis banyak disertai orang Cina, orang Melayu turut membenci golongan komunis.

Sebaik sahaja Jepun keluar, ahli-ahli PKM bertindak balas dengan melakukan kerosakan dan rusuhan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya pergaduhan antara masyarakat Melayu dengan Cina.

Selain itu tentera Jepun yang telah mengetahui kekalahan di pihaknya telah melakukan pembunuhan secara besar-besaran ke atas masyarakat Cina. Oleh itulah ramai pemuda Cina yang menganggotai komunis dengan tujuan membalas dendam atas kejahatan orang Jepun. Apabila Jepun pulang ke negara mereka, ahli-ahli komunis ini berada dalam dilema sama ada untuk keluar dari hutan atau terus menganggotai PKM.

Pihak Inggeris melakukan sedikit perubahan dalam pentadbiran dan ketenteraan. Ini adalah untuk mengelakkan daripada ditempelak oleh rakyat Tanah Melayu yang kononnya kerajaan Inggeris begitu lemah sehingga mudah dikalahkan. Dari segi ketenteraan pula, ramai pemuda Melayu yang disarankan untuk menyertai pasukan tentera bagi menjaga wilayah Tanah Melayu.

Gangguan Pihak Komunis

Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditubuhkan oleh sebahagian besar penduduk Cina yang ingin menubuhkan negara komunis di Tanah Melayu. PKM yang ditubuhkan pada tahun 1930 telah ditentang oleh British tetapi tidak berjaya.

Ketika tentera Jepun menyerang Tanah Melayu, pihak British telah mengiktiraf PKM sebagai sebuah parti. PKM telah menubuhkan sebuah pasukan gerila iaitu Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (MPAJA). Memandangkan tentera Jepun kian mengganas dan menjadikan orang Cina sebagai sasaran, pihak British membekalkan senjata kepada MPAJA untuk menyerang tentera Jepun.

Sepanjang penaklukan tentera Jepun di Tanah Melayu, pelbagai masalah sering timbul. Jepun sentiasa ingin melihatkan pergaduhan antara tiga kaum utama. Oleh itu beliau telah menubuhkan beberapa pasukan tentera daripada orang India dan orang Melayu. Ini adalah untuk menyerang MPAJA yang kebanyakan daripada keturunan Cina. Hal ini telah menyebabkan masyarakat Melayu, Cina dan

India bergaduh antara satu sama lain.

Apabila Jepun mengundurkan diri, pergaduhan masih berlaku. Bahkan terdapat juga insiden yang melibatkan orang Melayu yang diseksa oleh orang Cina dan orang Cina dibunuh oleh orang Melayu. Walaupun hanya dengan sedikit perbalahan sahaja sudah cukup untuk mencetuskan pergaduhan.

Perbuatan PKM yang menjadi kebencian kepada masyarakat Melayu, telah menyebabkan masyarakat Melayu bergabung. Misalnya di Batu Pahat, masyarakat Melayu yang diketuai oleh Kiai Salah yang mempunyai ilmu kebal telah melatih ramai pemuda Melayu dalam ilmu tersebut. Ini adalah untuk menghadapi ancaman PKM.

Pergaduhan antara masyarakat Melayu dengan Cina walaupun tidak semua masyarakat Cina terlibat dalam komunis sering terjadi. Keadaan ini menyebabkan orang-orang Cina takut lalu melarikan diri. Oleh itu, rumah kediaman dan kedai-kedai Cina dibakar.

Peranan Dato' Onn Jaafar

Melihatkan keadaan yang tidak menentu Dato' Onn Jaafar terpenggil untuk meredakan keadaan. Beliau menyiasat punca-punca berlakunya pergaduhan. Oleh itu beliau membuat keputusan untuk berjumpa dengan ketua komunis. Namun begitu Dato' Onn Jaafar masih berharap Kiai Saleh dan pengikutnya supaya mengawasi keselamatannya.

Dengan berbasikal seorang diri, Dato' Onn Jaafar memperkenalkan diri sebagai Pegawai Daerah dan ingin berjumpa dengan ketua komunis yang berpusat di Batu Pahat.

Pihak komunis ingin berdamai dengan masyarakat Melayu. Namun pihak komunis juga mengharapkan

supaya masyarakat Melayu pimpinan Kiai Saleh tidak menyerang masyarakat Cina di bandar Batu Pahat.

Keadaan ini bertepatan apabila penduduk Cina berasa amat takut dengan serangan yang akan dilakukan oleh Kiai Saleh dan pengikutnya. Ramai di kalangan mereka telah melarikan diri menyembunyikan diri. Pada masa itu, jalan-jalan utama di Batu Pahat telah dikuasai oleh masyarakat Melayu.

Pada masa itulah Dato' Onn Jaafar datang dan menyatakan hasrat kepada pihak komunis. Keadaan ini menyebabkan Kiai Saleh mengarahkan supaya pengikutnya tidak menyerang orang Cina. Dengan itu keadaan kembali aman dan masyarakat Melayu dan Cina hidup dalam sejahtera.

KEBANGKITAN SEMANGAT BARU

Malayan Union

Sebaik sahaja Jepun menyerah kalah dan keluar dari Tanah Melayu, pihak Inggeris datang semula ke Tanah Melayu. Kerajaan Inggeris telah menubuhkan kerajaan sementara yang dinamakan Pentadbiran Tentera British.

Setelah berjaya memulihkan keamanan di Tanah Melayu, Pentadbiran Tentera British dibubarkan. Kemudian mereka menubuhkan satu sistem pemerintahan baru yang dikenali sebagai Malayan Union.

Pada masa itu pihak British telah menyatukan tiga jenis pentadbiran yang wujud sebelum Perang Dunia Kedua iaitu Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat di bawah pemerintahan pusat.

Malayan Union juga bertujuan melicinkan pentadbiran dan menjimatkan perbelanjaan. Malayan Union juga mampu memudahkan pertahanan negara ketika peperangan, selain itu Malayan Union juga akan mendedahkan kepada rakyat Tanah Melayu untuk mentadbir negara pada suatu hari kelak.

Malayan Union menyatukan negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, Pulau Pinang dan Melaka. Namun begitu Singapura

akan dijadikan tanah jajahan British yang berasingan dan mempunyai gabenor sendiri.

Negara berperlembagaan itu juga harus menggariskan satu sistem kerakyatan yang akan memberikan hak yang sama kepada penduduk Tanah Melayu yang menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Bahkan negara ini yang terdiri daripada beberapa buah negeri yang bersultan akan ditadbir dalam satu pentadbiran. Kerajaan Inggeris juga bertanggungjawab untuk menetapkan bahawa orang yang bukan penduduk asal boleh menjadi warganegara setelah lama



Ucapan Dato' Onn Jaafar membangkitkan semangat orang-orang Melayu

tinggal di Tanah Melayu. Bahkan anak-anaknya akan menjadi rakyat Tanah Melayu secara automatik.

Bagi melaksanakan tugas ini, Sir Harold MacMichael telah dihantar ke Tanah Melayu. Antara surat perintah yang diberikan kepada beliau untuk diumumkan kepada pemimpin Tanah Melayu ialah:

Tuan akan melawat Malaya pada suatu tarikh yang dipersetujui oleh Pemerintah Tertinggi pihak Berikat Asia Tenggara dan hendaklah tuan meminta tiap-tiap seorang Raja Melayu itu memberikan kerjasama dalam menggubal sebuah Perlembagaan baharu bagi Malaya dan telah disampaikan kepada tuan dan ini bermaksud supaya menentu dan memudahkan kemajuan orang yang menjadi penduduk negeri itu bersatu dan akhirnya dapat berkerajaan sendiri dalam lingkungan empayar Inggeris.

Bagi menjayakan tujuan ini, tuan telah diberi kuasa sebagai Wakil Khas Kerajaan Baginda King membuat satu perjanjian bersurat yang betul-betul bagi pihak Kerajaan Baginda King dengan tiap-tiap seorang Raja Melayu itu dan dengan perjanjian itu, tiap-tiap seorang Raja Melayu itu akan menyerahkan sepenuhnya kekuasaannya dalam negerinya kepada Yang Mulia Baginda King.

G.H. Hall

terutama masyarakat Melayu. Pada sangkaan mereka tentulah kerajaan Inggeris akan memaklumkan kepada Raja-raja Melayu dan pemimpin Melayu ketika itu sebelum mengumumkan menerusi akhbar.

Sehari kemudian Utusan Melayu membuat kupasan tentang Malayan Union. Dari situlah masyarakat Melayu mula mengetahui maksud Malayan Union.

Sir Harold Mac Michael membawa beberapa terjemahan tentang Malayan Union. Antara isi catatan itu berbunyi: *Malayan Union akan ditubuhkan dengan mempunyai sebuah badan undangan pusat (Majlis Mesyuarat Undangan) yang akan mengandungi selain Gabenor Union, ahli-ahli rasmi dan bukan rasmi yang dilantik oleh Gabenor. Dan juga akan diadakan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja yang akan mengandungi ahli-ahli rasmi dan bukan rasmi yang dilantik oleh Gabenor sebagaimana dalam Majlis Mesyuarat Undangan.*

Majlis Mesyuarat Undangan itu boleh membuat undang-undang bagi Malayan Union tetapi tiap-tiap negeri mempunyai juga Majlis-majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Negeri Selat di Pulau Pinang dan Melaka. Majlis-majlis ini pertamaanya; berkuasa membuat undang-undang atas semua perkara tentang hal-ehwal atas semua perkara yang diberi kuasa kepadanya oleh Majlis Undangan Malayan Union. Di tiap-tiap buah negeri dan Negeri Selat, pegawai tinggi British yang bergelar Resident Commissioner yang akan menguruskan Majlis Mesyuarat Negeri atau Negeri Selat. Ahli-ahli Majlis ini akan dilantik oleh Gabenor setelah berunding dengan Resident Commissioner.

Adalah dimaksudkan bahawa

Pada 11 Oktober 1945, akhbar Straits Times di Singapura telah menyiarkan berita tentang rancangan Inggeris itu. Namun yang menjadi kemusykilan pada hari yang sama Sir Harold MacMichael telah tiba di Pelabuhan Kelang diiringi Sir Alex Newbould seorang jurubahasa. Yang paling mengejutkan ialah rakyat di Tanah Melayu tidak dimaklumkan tentang Malayan Union itu sendiri

Raja bagi tiap-tiap negeri itu akan diberi sebuah Majlis Penasihat. Majlis Penasihat ini akan dipengerusikan oleh Raja dan Raja boleh melantik ahli-ahlinya dengan syarat dipersetujui oleh Gabenor. Tugas utama bagi majlis ini ialah menentang hal-ehwal agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Segala harta benda kepunyaan negeri hendaklah diserahkan kepada kerajaan Malayan Union kecuali harta dan hak-hak kepunyaan raja.

Tentang kerakyatan pula, taraf kewarganegaraan dalam Malayan Union akan diberikan kepada semua golongan imigran yang mempunyai beberapa syarat seperti:

- a) Orang bukan Melayu dilahirkan di negeri-negeri masyarakat Melayu dan Singapura dan telah tinggal sebelum penubuhan Malayan Union.
- b) Imigran yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan telah tinggal di Malayan Union atau Singapura selama 10 tahun daripada 15 tahun sebelum 15 Februari 1942.
- c) Anak-anak yang dilahirkan di luar Malayan Union atau Singapura pada atau selepas penubuhan Malayan Union yang bapanya adalah warganegara Malayan Union.

Dari sini jelaslah menunjukkan bahawa Raja-raja Melayu tidak mempunyai hak dan kuasa dalam pentadbiran. Mereka hanya mempunyai kuasa dalam bidang agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Bahkan segala pindaan atau undang-undang yang dibuat tidak memerlukan kelulusan Raja-raja Melayu.

Selain itu hak-hak istimewa yang sebelum ini dinikmati oleh masyarakat Melayu juga akan terkubur. Keadaan inilah yang

menyebabkan masyarakat Melayu menentang keras penubuhan Malayan Union.

Penubuhan Malayan Union telah dilakukan pada bulan Oktober 1945 apabila kerajaan British menghantar Sir Harold MacMichael ke Tanah Melayu untuk mendapat persetujuan Raja-raja Melayu. Beliau mengugut Raja-raja Melayu untuk mendapatkan tandatangan bagi menyetujui rancangan Sir Harold MacMichael untuk menubuhkan Malayan Union.

Selain itu kerajaan British juga tidak akan mengakui kuasa sultan apabila tidak menyetujui Malayan Union. Kebanyakan Raja-raja Melayu tidak diberi masa yang mencukupi untuk berbincang sesama sendiri atau dengan penasihat masing-masing.

Oleh itu menjelang awal tahun 1946, MacMichael telah berjaya mendapat tandatangan Raja-raja Melayu. Oleh itu kerajaan British telah mengumumkan Kertas Putih yang mengandungi rancangan kerajaan tentang gagasan Malayan Union.

Antara punca yang menyebabkan masyarakat Melayu menentang Malayan Union ialah disebabkan Raja-raja Melayu akan kehilangan kuasa dan hanya menjadi lambang sahaja. Bahkan untuk mendapatkan tandatangan juga melalui paksaan tanpa memberi masa yang panjang untuk berbincang dengan masyarakat Melayu.

Kemudian penggunaan prinsip jus soli ke atas pendatang atau penduduk bukan Melayu untuk menjadi warganegara amat dibimbangkan. Tambahan pula jumlah mereka semakin ramai.

Selain itu hak-hak istimewa masyarakat Melayu akan hilang kerana setiap warganegara mempunyai hak

yang sama ke atas Tanah Melayu. Selain itu, masyarakat Melayu tidak dibawa berunding dan Malayan Union ini diadakan tanpa persetujuan masyarakat Melayu.

Kedapatan juga di kalangan bekas para pegawai kerajaan British yang menentang Malayan Union. Ini disebabkan mereka tidak menyenangi dengan kerajaan untuk menghapuskan hak Raja-raja Melayu dan sebagainya.

Dengan adanya Malayan Union, semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu mulai tumbuh. Perasaan ini telah menyerap di segenap lapisan masyarakat Melayu tanpa mengira negeri kelahiran atau sebagainya.

Bagi memastikan semangat itu dizahirkan dan masyarakat Melayu dibubarkan, seorang pejuang Melayu iaitu Dato' Onn Jaafar telah berjaya menubuhkan satu pertubuhan yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). UMNO yang ditubuhkan oleh Dato' Onn Jaafar telah berjaya untuk menyatukan masyarakat Melayu menentang Malayan Union.

Oleh sebab UMNO sering melakukan rapat umum sehinggakan Sultan-sultan memulaukan upacara pengisytiharan Malayan Union dan perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor. Penentangan yang hebat di kalangan masyarakat Melayu, memaksa kerajaan British memansuhkan Malayan Union.

Perarakan Membantah Malayan Union

Pada 1 April 1946, Malayan Union diperkenalkan secara rasmi di Tanah Melayu. Namun sebaik sahaja Malayan Union diumumkan masyarakat Melayu

menjadi semakin gempar. Mereka langsung tidak menyangka bahawa Malayan Union akan ditubuhkan seperti yang dicadangkan oleh pihak Inggeris.

Pada masa itu masyarakat Melayu mulai bangkit dan menentang pihak Inggeris. Mereka mula mempersoalkan Tanah Melayu, hak-hak orang Melayu dan kedaulatan Raja-raja Melayu. Oleh itu masyarakat Melayu harus mempertahankan hak tersebut walaupun dengan me-numpahkan darah.

Kedengaran suara lantang di merata Tanah Melayu dengan membangkitkan bantahan secara besar-besaran. Mereka melancarkan penentangan di seluruh negeri.

Pada 24 Januari 1946, Dato' Onn Jaafar menulis sepucuk surat kepada akhbar Majlis di Kuala Lumpur bagi meniupkan lagi api kemarahan masyarakat Melayu. Beliau menyuarakan harapan ini ke dalam Warta Negara supaya mengadakan perhimpunan dan seterusnya membentuk kesatuan untuk masyarakat Melayu seluruhnya.

Pada 1 Februari, satu tunjuk perasaan diadakan oleh masyarakat Melayu di Kota Bharu, Kelantan. Tunjuk perasaan ini telah berjaya mengumpulkan lebih daripada 36 000 orang. Mereka berarak untuk memprotes Malayan Union.

Tiga hari berikutnya ramai para pegawai Melayu yang turut serta. Keadaan ini bertambah buruk apabila jentera pentadbiran Kelantan mula goyah. Bahkan keadaan bertambah teruk apabila bantahan terus dilakukan ke atas seluruh Kelantan.

Pada 10 Februari Dato' Onn

Jaafar yang bertugas sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat pula menganjurkan perhimpunan untuk menentang Malayan Union. Beliau berjaya menghimpunkan lebih daripada 20 000 orang Melayu di sebuah padang di bandar tersebut.

Dato' Onn Jaafar berucap dengan penuh semangat untuk membangkit kemarahan masyarakat Melayu. Beliau turut menerangkan tentang 'Kertas Putih' yang dikeluarkan oleh kerajaan Inggeris dengan menjelaskan keburukan Malayan Union secara terperinci.

Sehubungan dengan semangat juang yang tinggi ditunjukkan oleh Dato' Onn Jaafar, beberapa pertubuhan masyarakat Melayu di Johor telah bersatu menentang Malayan Union. Dato' Onn Jaafar menggunakan kelebihan sebagai Yang Dipertua Pergerakan Melayu Semenanjung Johor telah berjaya mengumpulkan seramai 11 000 orang ahli. Kemudian jumlah ini turut digabungkan dengan beberapa persatuan yang terdapat di Johor sehingga jumlahnya menjadi 120 000 orang.

Pada 19 Februari seramai 50 000 orang Melayu menunjuk perasaan di Kedah. Tunjuk perasaan ini dianjurkan Kesatuan Melayu Kedah.

Dalam perhimpunan tunjuk perasaan itu, kebanyakan daripada mereka telah membawa pelbagai jenis pemicang dan poster yang mengutuk dasar Inggeris. Antara pemicang yang dibawa terdapat tulisan, '*British Pecah Amanah*', '*Kita Tidak Boleh Percaya Lagi kepada Kerajaan British*'.

Pada 23 dan 24 Februari, akhbar Utusan Melayu menyiarkan sepucuk surat yang ditulis oleh Sultan Kelantan dalam usaha

menentang Malayan Union. Antara kandungan surat tersebut ialah:

"Kepada kami dibentangkan bahawa pemerintah Baginda King telah berfikir-fikir dan berunding lama tentang keadaan negeri-negeri Melayu pada masa akan datang dan bagaimana sebaik-baiknya Semenanjung Tanah Melayu ini boleh dipimpin dan dapat bergantung pada diri sendiri serta memerintah diri sendiri kelak. Pemerintahan Baginda King telah menyatakan bahawa sebagai penaung Negeri-negeri Melayu, tentulah mereka tidak menyempurnakan perjanjian dan akan mungkir kewajibannya kepada orang Melayu, kepada raja-raja dan pemerintah Melayu sebagai ketua bagi orang Melayu itu dan kepada sekalian penduduk Tanah Melayu tanpa mengira bangsa dan agama sekiranya mereka itu tidak memimpin Tanah Melayu kepada jalan kemajuan."

Sebagai susulan Dato' Onn Jaafar mencadangkan supaya seruan baginda itu dimasukkan ke dalam akhbar Majlis supaya persidangan kongres diadakan dengan lebih cepat lagi. Usul tersebut telah mendapat sambutan dan galakan daripada masyarakat Melayu secara keseluruhannya.

Matlamat utama kongres adalah untuk memperjuangkan hak dan kedudukan Raja-raja Melayu dan bangsa Melayu. Tindakan itu akan menjadi lebih berkesan sekiranya Raja-raja Melayu sendiri menyesehi tindakan yang telah dilakukan oleh pihak Inggeris.

Namun kritikan untuk memastikan Malayan Union tidak bertapak di Tanah Melayu ialah melalui penyatuan. Masyarakat Melayu daripada pelbagai kawasan, daerah dan negeri harus bersatu padu dalam menentang Malayan Union. Hanya melalui perarakan dan tunjuk perasaan akan mengubah senario politik di Tanah Melayu.

Dari sini jelaslah pengenalan

Malayan Union di Tanah Melayu menyebabkan semangat nasionalisme berkembang di kalangan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu kian bersatu untuk memperkuat diri dalam menentukan pucuk pimpinan dan bentuk perlembagaan pada masa akan datang.

Peranan Akhbar

Kritikan yang dilakukan masyarakat Melayu tidak hanya melalui perarakan atau perundingan sahaja tetapi juga melibatkan media massa. Oleh itu peranan akhbar ketika itu amat penting dalam menyuntik semangat masyarakat Melayu yang semakin meluap-luap.

Pada bulan November 1945, kebanyakan akhbar Melayu mula menyuarakan bantahan terhadap Malayan Union. Kebanyakan akhbar itu memuatkan pelbagai agenda yang memuatkan dasar-dasar Malayan Union yang tidak menguntungkan masyarakat Melayu.

Antara akhbar-akhbar yang paling banyak mengupas Malayan Union dan hasrat masyarakat Melayu ialah Utusan Melayu yang dipimpin oleh Tuan Haji Dahlan Masood di Singapura, akhbar Majlis pimpinan Encik Yunus Hamidi di Kuala Lumpur dan Warta Negara yang dipimpin oleh Encik Ibrahim Mahmod di Pulau Pinang.

Akhbar ini diedar ke seluruh Tanah Melayu untuk ditetap oleh masyarakat Melayu yang belum mengetahui Malayan Union. Dengan sebaran yang meluas, pengetahuan masyarakat Melayu tentang Malayan Union kian mendalam. Oleh itu masyarakat Melayu mula membantah Malayan Union.

Pada 10 November 1945, akhbar Warta Negara mengemukakan satu

cadangan kepada masyarakat Melayu supaya bersatu dan mengadakan kongres. Ini penting supaya masyarakat Melayu dapat bermesyuarah untuk menjaga kepentingan masyarakat Melayu keseluruhannya.

Pembentukan Kongres

Dato' Onn Jaafar telah mengumumkan satu kongres perlu diadakan. Kongres yang dibentuk itu nanti adalah gabungan daripada beberapa buah persatuan yang akan mewakili masyarakat Melayu dalam usaha menggagalkan Malayan Union.

Persatuan Melayu Selangor yang dipimpin Zainal Abidin bin Ahmad Za'aba membentuk satu jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk membentuk kongres itu kelak. Za'aba telah meminta jasa baik Encik Muhamad Yunus Abdulllah iaitu pengarang akhbar Majlis supaya meminta masyarakat Melayu menghulur bantuan bagi membiayai perbelanjaan untuk mengadakan kongres kelak.

Za'aba menganggarkan sebanyak RM10 000 diperlukan. Pengumuman itu mendapat sambutan yang membarangsangkan. Pelbagai lapisan masyarakat sama ada golongan diraja, pertubuhan Melayu atau individu telah menyokong sehingga berjaya mengutip sebanyak RM18 000. Jumlah ini melebihi daripada sasaran. Inilah yang menunjukkan kesungguhan masyarakat Melayu dalam usaha mengadakan kongres dan seterusnya menentang Malaya Union.

Bagi menjayakan kongres itu, masyarakat Melayu melantik Dato' Onn Jaafar sebagai pemimpin agung kongres ter-

sebut. Ini disebabkan Dato' Onn Jaafar orang yang pertama membantah Malayan Union dan sekali gus menyatupadukan masyarakat Melayu di Johor. Masyarakat Melayu di Johor telah mempelopori semangat juang di kalangan masyarakat Melayu di negeri-negeri lain.

Sebagai pengerusi penaja kongres, Za'aba menghubungi Dato' Onn Jaafar, Panglima Bukit Gantang dan pemimpin-pemimpin Melayu yang lain. Dato' Onn Jaafar datang ke Kuala Lumpur bagi merundingkan perkara tersebut dengan Za'aba. Atas semangat yang kental dan sokongan daripada masyarakat Melayu secara keseluruhannya, Dato' Onn Jaafar bersetuju mengadakan satu perjumpaan yang besar dan melibatkan masyarakat Melayu secara keseluruhannya.

Sehubungan itu satu kongres Melayu pertama yang terbesar telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946. Kongres ini dihadiri oleh 145 wakil daripada 42 buah persatuan Melayu (termasuk 49 orang pemerhati).

Kongres itu telah dirasmikan oleh Sultan Hishamuddin Alam Syah (Sultan Selangor). Sebaik sahaja Sultan Selangor meninggalkan kongres itu, dengan sebulat suara Dato' Onn Jaafar dilantik sebagai pengerusi kongres.

Dato' Onn Jaafar telah menaikkan semangat masyarakat Melayu dalam menegakkan hak mereka. Selain itu perhimpunan raksasa mencabar Inggeris sebagai pemerintah yang tidak telus.

Terdapat beribu-ribu orang Melayu yang membanjiri luar

bangunan Kelab Sultan Sulaiman. Oleh itu tentera British terpaksa berjaga-jaga untuk memastikan tidak berlaku sebarang rusuhan. Ini disebabkan tentera British khuatir sekiranya masyarakat Melayu mengamuk sudah pasti sukar untuk di-kawal.

Bagi memastikan keadaan terkawal, Dato' Onn Jaafar sentiasa menenteramkan keadaan dengan memastikan bahawa perjuangan mereka berada dalam landasan yang betul. Oleh itu sebarang tindakan yang tidak betul harus dielakkan.

Ketika kongres berjalan dengan lancar, terdapat beberapa orang wakil wanita dan masyarakat Orang Asli yang turut menyuarakan pendapat. Encik Abu bin Busu yang mewakili kaum Senoi juga berpendapat bahawa nasib mereka bergantung kepada masyarakat Melayu. Ucapan itu mendapat sokongan dari semua yang hadir. Oleh itu boleh dikatakan masyarakat Orang Asli juga turut berada di belakang masyarakat Melayu.

Dato' Onn Jaafar telah mencadangkan supaya semua masyarakat Melayu bergabung dalam satu kongres yang besar. Ini mendapat persetujuan daripada semua perwakilan dan masyarakat Melayu yang hadir.

Oleh itu Dato' Onn Jaafar telah mencadangkan supaya kongres itu adalah Pertubuhan Melayu Bersatu atau United Malay Organization (UMO). Za'aba menambah satu perkataan lagi iaitu National atau Kebangsaan. Dengan ini kongres dengan sebulat suara membentuk satu kongres Melayu yang dikenali sebagai United Malay National Organization (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Ekoran itu, UMNO ditubuhkan secara rasminya

pada 11 Mei 1946 di Johor Baharu dan Dato' Onn Jaafar sebagai Presiden.

PENOLAKAN MALAYAN UNION

Setelah berbincang, Dato' Onn Jaafar telah membuat satu penetapan untuk menolak rancangan Malayan Union. Antara yang terkandung dalam penetapan itu ialah:

Bahawa perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan; Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang mengaku bersatu memberikan kuasa mereka kepada Duli Yang Maha Mulia King dari Great Britain ke atas negeri-negeri Melayu itu dan melucutkan kuasa sultan-sultan ke atas negeri mereka, tidak menurut Perlembagaan hak pusaka, adat resam dan amalan tiap-tiap negeri Melayu dan oleh hal yang demikian adalah tidak sah dan batal dan tiada mengikat Duli-duli Yang Maha Mulia itu dan rakyat mereka dengannya.

Manakala perjanjian-perjanjian tersebut itu telah diperoleh tidak dengan pengetahuan dan berlawanan dengan kehendak-kehendak rakyat-rakyat Duli-duli Yang Maha Mulia itu dan oleh sebab cadangan Kerajaan Baginda King hendak menjalankan kuasa ke atas negeri-negeri Melayu itu adalah berlawanan dengan kehendak rakyat Duli-duli Yang Maha Mulia itu, maka kongres ini mengisytiharkan bahawa tindakan seumpama itu adalah menentang dasar-dasar demokrasi. Oleh sebab itu tidak boleh diterima sama sekali.

Cadangan Kerajaan Baginda King hendak mengambil kuasa penuh ke atas beberapa buah negeri Melayu yang

tersebut di atas ini dan hendak menafikan kuasa yang seumpama itu dari Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan adalah membawa kepada memasukkan terus-menerus beberapa buah negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ke bawah takluknya dan oleh hal yang demikian adalah berlawanan dengan semangat Atlantik Charter.

Bahawa cadangan Kerajaan British sebagaimana yang diterangkan di dalam '**Kertas Putih**' pada bulan Januari tahun 1946 yang mencadangkan:

- a) Hendak menubuhkan sebuah Kerajaan tunggal yang dinamakan Malayan Union untuk menggantikan pemerintahan beberapa buah negeri yang tersebut di atas dengan tidak memasukkan Singapura tetapi mengandungi Negeri-negeri Selat seperti Melaka dan Pulau Pinang.
- b) Hendak mengadakan satu taraf kerakyatan Malayan Union dengan persamaan hak dan tidak memandang kepada kaum atau jenis itu adalah mengandungi kesan bagi menghapuskan dari pada wujudnya:
 - Sembilan pemerintahan Negeri Melayu yang beragama Islam atau ketahtaan Sultan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang kewujudannya telah diakui oleh Kerajaan Baginda King terutamanya dan dunia amnya.
 - Beberapa perjanjian yang ada antara Kerajaan Baginda King dan Duli-duli Yang

Maha Mulia Sultan dengan menceroboh dasar-dasar suci perjanjian-perjanjian yang kerananya bangsa-bangsa Berikut telah berperang dalam satu peperangan yang sehebat-hebatnya di dalam sejarah dan melucutkan hak-hak turun-temurun orang Melayu adalah diisytiharkan di sini iaitu meletakkan dengan tidak patut suatu perbuatan yang merosakkan ke atas mereka yang cukup taat kepada takhta British.

Kongres ini menjemput Kerajaan British supaya menyiasat dengan

sepenuh-penuhnya akan keadaan-keadaan yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu yang sekiranya ada dalam pengetahuan Kerajaan Baginda King nescaya telah ditimbangkan dengan sebaik-baiknya rancangan tersebut.

Bahawa oleh sebab perkara-perkara yang disebutkan itu, maka kongres mendesak Kerajaan Baginda King supaya menarik balik cadangan yang tersebut itu dengan segera dan mengembalikan semula taraf kedudukan negeri ini dengan tidak mengubah sebarang apa jua bagi masa itu.

BANTAHAN

Daripada Kerajaan Inggeris


Sungguhpun masyarakat Melayu secara terang-terangan menentang Malayan Union yang akan dilaksanakan di Tanah Melayu, namun pihak Inggeris tetap enggan menerima tentangan itu. Kebanyakan daripada mereka belum dapat melihat kenekadan masyarakat Melayu dalam menentang Malayan Union yang boleh menjejaskan kehidupan mereka.

Oleh sebab pihak Inggeris masih belum menunjukkan sikap berlembut, Dato' Onn Jaafar telah menulis surat

kepada Perdana Menteri British iaitu Clement Attlee bagi mendapat maklum balas tentang bantahan masyarakat Melayu. Namun begitu tiada tindakan susulan yang dibuat.

Pada 1 April 1946, dengan rasminya kerajaan British mengumumkan penubuhan Malayan Union. Pada masa yang sama Sir Edward Gent dilantik menjadi Gabenor Malayan Union dengan rasminya.

Dalam satu persidangan di Parlimen British pada bulan Mac 1946, bantahan masyarakat Melayu itu diusulkan. Oleh itu Kapten L.D. Gammans dengan Leftenan Kolonel Rees Williams telah melawat keadaan di Tanah Melayu dan membaca surat yang ditulis oleh Raja-raja Melayu. Kebanyakan surat yang ditulis itu



Orang Melayu tidak rela sultan kehilangan kuasa

menunjukkan bantahan raja-raja dan masyarakat Melayu keseluruhannya.

Apabila keadaan ini berlaku, Kapten L.D. Gammans telah menegaskan sekiranya pihak Inggeris masih berdegil untuk melaksanakan Malayan Union, huru-hara akan pasti berlaku. Ini disebabkan kebanyakan Raja-raja Melayu diugut untuk menandatangani perjanjian Malayan Union dan bukannya dengan kerelaan sendiri.

Kapten L.D. Gammans juga menyatakan semangat anti Malayan Union kian memuncak di kalangan masyarakat Melayu. Inilah yang dapat disaksikan di Tanah Melayu.

Daripada Pihak Masyarakat Melayu

Akibat bantahan yang tidak diendahkan oleh pihak Inggeris, Dato' Onn Jaafar telah membuat satu perjumpaan khas dengan wakil-wakil pertubuhan Melayu di seluruh Tanah Melayu. Perjumpaan yang berlangsung pada 30 Mac 1946 adalah bertujuan mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi politik yang tidak menentu di Tanah Melayu.

Sehubungan itu, Dato' Onn Jaafar menyarankan supaya semua pegawai Melayu yang bekerja di bawah Kerajaan Inggeris supaya memprotes dan tidak memberi kerjasama kepada pihak Inggeris. Bagi memastikan bantahan yang akan dilakukan itu seragam dan diikuti oleh semua pegawai, Dato' Onn Jaafar telah menggalurkan beberapa cadangan bantahan untuk diikuti. Antaranya:

a) Semua perkumpulan Melayu di seluruh Tanah Melayu harus menyatakan kepada semua ahlinya

dan orang Melayu lainnya supaya berkabung selama seminggu dengan memakai tanda berkabung. Mereka hendaklah melilitkan kain putih pada songkoknya. Tindakan ini dilakukan dengan maksud sebagai protes terhadap perlaksanaan Perlembagaan Malayan Union.

b) Semua orang Melayu yang dilantik menjadi ahli kepada Majlis Penasihat hendaklah mengundurkan diri.

c) Dato' Onn Jaafar diberi kuasa penuh untuk menghadap para sultan yang sedang berada di Kuala Lumpur (untuk menghadiri upacara perlantikan Gabenor Malayan Union) dan mempersembahkan kepada baginda semua bawahan seluruh rakyat Melayu memohon supaya baginda semua tidak menghadiri majlis tersebut.

Dato' Onn Jaafar telah menghadap Raja-raja Melayu memohon supaya memulaukan istiadat perlantikan Gabenor Malayan Union.

Sehubungan itu, pada 1 April 1946, berlangsunglah penubuhan Malayan Union tetapi disambut dengan bantahan dan perarakan masyarakat Melayu. Tunjuk perasaan itu diadakan kira-kira 1.6 kilometer dari tempat Sir Edward Gent mengangkat sumpah.

Ketika upacara angkat sumpah dijalankan, tidak ada seorang raja, pegawai atau orang kenamaan yang hadir. Ini disebabkan Raja-raja Melayu dan masyarakat Melayu berkumpul di Hotel Stesen. Di situlah kelihatan orang Melayu yang melilitkan kepala dengan kain putih sambil melaung-laungkan 'Daulat Tuanku.' Keadaan yang penuh semangat dan kebencian masyarakat Melayu terhadap kerajaan Inggeris telah memberi satu tamparan yang hebat.

Pada bulan Mei 1946, dua orang ahli Parlimen British iaitu Leftenan Kolonel Rees Williams daripada Parti Konservatif dan Kapten L.D. Gammans daripada Parti Buruh berkunjung ke Tanah Melayu. Kedua-dua mereka telah dipelawa oleh pemimpin UMNO untuk menyaksikan sendiri kebangkitan masyarakat Melayu dalam menentang Malayan Union. Hampir setiap negeri yang dilawati disambut dengan tunjuk perasaan yang hebat.

Seiring dengan itu, Dato' Onn Jaafar juga melawat hampir seluruh Tanah Melayu untuk menyaksikan sendiri gelodak perasaan masyarakat Melayu. Selain Dato' Onn Jaafar, kedua-dua orang Ahli Parlimen ini diiringi Encik Abdul Rahman bin Musa yang merupakan setiausaha Dato' Onn Jaafar dengan menaiki kereta Station Wagon. Selain itu seorang wartawan Inggeris dari Straits Times juga mengiringi mereka.

Ketika Leftenan Kolonel Rees Williams dan Kapten L.D. Gammans berkunjung ke Johor Bahru, kedatangan beribu-ribu orang Melayu berkumpul di halaman Istana Besar, Johor Bahru. Dalam perhimpunan itu mereka meneriak bantahan terhadap Malayan Union. Begitu juga apabila rombongan itu menuju ke Batu Pahat yang juga memprotes Malayan Union. Pada masa itu terdapat seorang wanita yang bernama Cik Zaharah binti Abdullah yang begitu lantang mengkritik Malayan Union di hadapan dua orang ahli Parlimen itu.

Kemudian Leftenan Kolonel Rees Williams dan Kapten L.D. Gammans melawat Seremban. Di sana juga mereka dapat menyaksikan perarakan orang

Melayu dalam jumlah yang besar berbaris di sekitar istana Yam Tuan Besar. Pada masa itu terdengar pekikan yang mengutuk pihak Inggeris. Antara lain, mereka telah merentang satu poster yang bertulis, 'Jahanam MacMichaelisme' dan 'MacMicheal dalam Imperialisme.'

Selain itu di Kuala Lumpur juga satu perarakan dan perjumpaan diadakan di Padang Kelab Sultan Sulaiman. Ketika Leftenan Kolonel Rees Williams dan Kapten L.D. Gammans berada di Klang dan menjadi tetamu Sultan Selangor, pentangan masih kedengaran. Bahkan kedua-dua orang Ahli Parlimen juga bersimpati dengan masyarakat Melayu dan juga menentang Malayan Union.

Di Ipoh, pula satu perjumpaan yang menentangmu telah diadakan di Pekan Ahad, Jalan Datuk. Perhimpunan ini dihadiri oleh para pemuda daripada Perikatan Pemuda dengan membawa beberapa sepanduk mengutukmu. Antara kata-kata yang jelas kelihatan pada sepanduk tersebut ialah 'Kami Berkehendakkan Naungan Bukan Penaklukan' dan 'Jangan Kecewakan Kami.'

Di Taiping pula, sambutan lebih tertumpu kepada ejekan terhadap kerajaan Inggeris dan Malayan Union. Terdapat beberapa lukisan karikatur yang menggambarkan seorang Inggeris menghulur sepucuk surat kepada Raja Melayu sambil mengacukan sepucuk pistol.

Kemudian kedua-dua orang Ahli Parlimen itu menuju ke Pulau Pinang. Di sana mereka telah mengadakan perhimpunan di padang sekolah Francis Light. Selain itu terdapat satu pertunjukan raksasa diadakan di padang Butterworth

Recreation Club.

Di Kedah pula, pentangan terhadap Malayan Union lebih memuncak lagi. Rapat umum jelas kelihatan bermula dari sempadan Kedah hingga ke Pulau Pinang. Namun begitu Leftenan Kolonel Rees Williams dan Kapten L.D. Gammans hanya melihat dari tingkap kereta sahaja. Mereka dengan jelas menyaksikan penentangan dengan terpampangnyanya poster anti Malayan Union di pokok-pokok, beca, tembok, dinding bangunan dan sebagainya.

Selain itu, Leftenan Kolonel Rees Williams dan Kapten L.D. Gammans telah diajak untuk menaiki sebuah pentas yang juga tempat bersemayam Sultan Perak dan Dato' Onn Jaafar. Leftenan Kolonel Rees Williams dan Kapten L.D. Gammans dijemput supaya duduk bersama dan diketuai Sultanah Perak di bahagian paling hadapan. Ramai masyarakat Melayu dari Perak datang ke perhimpunan itu.

Sebelum Leftenan Kolonel Rees Williams dan Kapten L.D. Gammans pulang ke London, mereka ditanya



Perwakilan politik di Istana Besar Johor pada tahun 1946

Terdapat di kalangan para pegawai Melayu yang mogok sebagai usaha untuk membantah. Ada juga sekolah dan pejabat yang ditutup dan ditunjukkan kepada kedua-dua orang Ahli Parlimen British itu.

Di Kangar, Perlis pula terdapat bantahan yang dibuat dengan cara mengadakan ucapan. Tunku Abdul Rahman Putra telah mem-pengerusikan perhimpunan itu dengan memberi ucapan dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

tentang Malayan Union. Dengan tegas mereka menjawab:

"Melayu telah menyatakan pada kami dengan terus-terang bahawa mereka telah hilang kepercayaan atas keikhlasan British."

Pembubaran Malayan Union

Pada 20 Disember 1947, merupakan tarikh keramat kerana Dato' Onn Jaafar mengumumkan bahawa Malayan Union telah dibubarkan. Pembubaran Malayan Union akan diganti dengan Persekutuan

Tanah Melayu. Sehubungan itu pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan secara rasmi. Ini berakhirlah Malayan Union yang selama ini banyak menimbulkan keresahan di kalangan orang Melayu selama lebih daripada 21 bulan.

Seperti yang dimaklumkan jawatan Gabenor akan diturunkan menjadi Pesuruhjaya Tinggi. Oleh itu Raja-raja Melayu akan mendapat kedaulatan semula dan keistimewaan orang Melayu terjamin.

Pesuruhjaya Tinggi akan menjalankan pentadbiran dengan dibantu oleh sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Eksekutif dan sebuah badan lain yang dikenali sebagai Majlis Perundangan. Berikutan itu Dewan Undangan terdiri daripada 75 orang ahli dan 50 orang ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi sendiri.

Persekutuan Tanah Melayu juga telah memberi kerakyatan yang lebih ketat terhadap orang Cina dan India. Bagi orang Cina dan India yang ingin memohon kerakyatan Tanah Melayu, perlu tinggal selama 15 tahun secara berterusan dan mengambil kira selama

20 tahun sudah berada di Tanah Melayu. Oleh itu anak mereka juga berhak menjadi warganegara.

Namun begitu sekiranya salah seorang ibu bapa tidak dilahirkan atau tinggal dalam tempoh yang ditetapkan, rayuan boleh dibuat tetapi dengan syarat harus tinggal di negara ini selama 8 tahun tidak termasuk 12 tahun masa berada di Tanah Melayu.

Selain itu mereka dikehendaki mengambil ujian Bahasa Melayu atau Inggeris. Hanya mereka yang lulus yang layak diiktiraf sebagai warga-negara.

Sememangnya kejayaan masyarakat Melayu menumbangkan Malayan Union merupakan satu kejayaan yang besar. Pihak British telah mengambil masa selama 40 bulan untuk merancang, menggubal dasar, dan melaksanakan Malayan Union. Namun begitu masyarakat Melayu di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar hanya mengambil masa selama 21 bulan untuk menyingkirkan Malayan Union.

PENUBUHAN PARTI MELAYU UMNO

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah ditubuhkan pada tahun 1946 oleh Dato' Onn Jaafar. Semanganya parti ini telah diuar-uarkan melalui kegiatan persatuan separuh politik Melayu dalam tahun 1930-an dan Pendudukan Jepun 1942-1945.

Sebab serta-merta dan terpenting penubuhan parti UMNO adalah apabila kerajaan British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu. UMNO bukan sahaja telah berjaya mempengaruhi masyarakat Melayu, tetapi juga telah menjadi sebuah parti teragung di Tanah Melayu. Terdapat banyak faktor yang

menyebabkan UMNO ditubuhkan. Antaranya:

- a) Penubuhan Malayan Union oleh kerajaan British.
- b) Cadangan kerajaan British untuk melaksanakan Malayan Union di Tanah Melayu adalah faktor utama penubuhan UMNO. Malayan Union telah membangkitkan semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu. Semangat ini kian meluas ke seluruh Tanah Melayu.
- c) Rancangan Malayan Union diumumkan dalam Parlimen British pada 10 Oktober 1945 dan pada 11 Oktober 1945, rancangan ini disiarkan dalam akbar di Tanah Melayu. Perlembagaan Malayan Union hanya disiarkan secara terperinci dalam Kertas Putih Kerajaan pada bulan Januari 1946. Perlembagaan Malayan Union mensyaratkan semua negeri termasuk Pulau Pinang dan Melaka disatukan di bawah satu



Dato' Onn Jaafar dilantik sebagai Presiden UMNO yang pertama

- pemerintahan pusat.
- d) Selain itu Malayan Union juga akan diperintah oleh Gabenor British. Antara lain, Malayan Union cuba memberi hak kerakyatan kepada semua bangsa sama ada Cina, India atau sebagainya mengikut prinsip jus soli. Masyarakat Melayu telah membantah Malayan Union kerana akan menghapuskan kedaulatan dan kuasa sultan, pemberian kerakyatan yang begitu mudah dan sebagainya. Masyarakat Melayu juga percaya kedudukan istimewa mereka sebagai peribumi akan tergugat.

Masyarakat Melayu juga membantah cara Sir Harold Mac Micheal yang mendapatkan persetujuan dari sultan-sultan dengan memaksa sultan-sultan menandatangani perjanjian Malayan Union.

Kongres Melayu juga telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) bagi memelihara kepentingan masyarakat Melayu. UMNO ditubuhkan secara rasminya pada 11 Mei 1946 dan Dato' Onn Jaafar sebagai Presiden.

UMNO harus ditubuhkan memandangkan telah banyak persatuan Melayu yang mulai memperjuangkan nasib masyarakat Melayu sejak tahun 1930-an lagi. Misalnya Persatuan Melayu Perak telah ditubuhkan pada tahun 1937. Persatuan Melayu Pahang ditubuhkan bulan Mac 1938, Persatuan Melayu Selangor pada bulan Jun 1938, Persatuan Melayu Negeri Sembilan pada bulan September 1938, Persatuan Melayu Johor dan Kelantan menjelang tahun 1940.

Pada tahun-tahun 1939 dan 1940, persatuan-persatuan Melayu men-

adakan Kongres Melayu SeMelaya bagi menyatupadukan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Penyatuan ini pada awalnya gagal kerana terdapat perasaan tidak puas hati antara masyarakat Melayu di beberapa buah negeri. Sungguhpun demikian penyatuan itu telah menjadi wadah untuk penubuhan UMNO.

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1942 hingga 1945 telah menyebabkan semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Melayu kian memuncak. Masyarakat Melayu telah mendapat pendedahan dalam pentadbiran terutamanya bagi para pegawai daerah yang telah dilantik oleh kerajaan Jepun. Bahkan masyarakat Melayu juga percaya untuk mencapai kemerdekaan tidak harus bergantung kepada kerajaan British semata-mata.

Slogan "Asia untuk orang Asia" telah meningkatkan lagi keazaman masyarakat Melayu. Perasaan antipenjajah kian tumbuh di kalangan masyarakat Melayu. Bahkan semangat ini bertambah mekar apabila Jepun kalah dalam peperangan sehingga menyebabkan pertelingkahan antara kaum.

Dari sini masyarakat Melayu mulai sadar akan kepentingan untuk menjaga bangsanya. Oleh itulah satu pertubuhan yang benar-benar memperjuangkan hak-hak masyarakat Melayu perlu ditubuhkan.

Akhbar-akhbar Melayu seperti Majlis, Warta Negara dan Utusan Melayu memainkan peranan yang penting pada awal penubuhan UMNO. Akhbar-akhbar ini menarik lebih ramai masyarakat Melayu untuk bersatu menentang

Malayan Union. Contohnya Utusan Melayu mencadangkan supaya semua pertubuhan Melayu di setiap negeri bergabung untuk membentuk sebuah pertubuhan kebangsaan menentang Malayan Union.

Peranan akhbar-akhbar Melayu penting untuk menyemarakkan masyarakat Melayu, bahkan Dato' Onn Jaafar yang mengasaskan UMNO juga sering memantau akhbar-akhbar Melayu supaya meningkatkan lagi semangat tersebut.

Sejak penubuhan UMNO pada tahun 1946, Malayan Union menjadi asas kebencian masyarakat Melayu terhadap kerajaan British. Dengan penubuhan UMNO, kerajaan British terpaksa menggubal semula dasar politik di Tanah Melayu.

UMNO sering mengadakan rapat-rapat umum di seluruh pelosok negara untuk menentang Malayan Union. Kejayaan UMNO terbukti apabila kerajaan British telah bersetuju untuk berunding dengan Raja-raja Melayu dan UMNO sendiri untuk menggubal perlembagaan baru. Oleh itu pada 1 Februari 1948, Malayan Union telah dimansuhkan dan diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah memenuhi keperluan dan matlamat Perjuangan UMNO. Kedudukan masyarakat Melayu sebagai rakyat bumiputera dan keistimewaan serta kedaulatan raja-raja Melayu yang tidak tergugat. Bahkan satu sistem tentang kerakyatan telah dibincangkan dan jus soli dimansuhkan.

Sebagai sebuah parti milik Melayu yang ideal, kerajaan British terpaksa memikirkan hak-

hak masyarakat Melayu apabila menggubal perlembagaan. Pada tahun 1947, UMNO telah mempunyai lebih 115 000 orang ahli.

Oleh sebab telah mendapat sambutan di kalangan masyarakat Melayu, perlembagaan UMNO yang baru telah diluluskan pada tahun 1949. UMNO menubuhkan beberapa jawatankuasa terutama yang berkaitan dengan ekonomi, pendidikan, sosial, agama, kewangan dan tenaga kerja di kalangan masyarakat Melayu.

Pada tahun 1947, UMNO telah mengadakan Perhimpunan Agung dengan meluluskan Dasar Pelajaran yang menetapkan pendidikan harus bercorak keislaman. Pada masa itu banyak mata pelajaran yang diajar di sekolah lebih kepada kemelayuan atau lebih bercorak Tanah Melayu. Jawatankuasa Pendidikan UMNO juga telah memberi beberapa biasiswa kepada para pelajar Melayu yang berkebolehan di peringkat tinggi.

UMNO juga bertanggungjawab untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu. Perhimpunan Agung UMNO juga turut menggubal Rancangan Lima Tahun yang lebih menekankan hal-hal yang berkaitan ekonomi di kalangan masyarakat Melayu. Ini disebabkan objektif-objektif UMNO adalah untuk menambahkan pendapatan dan modal, menggalakkan penyertaan dalam dunia perniagaan, menubuhkan sekolah-sekolah teknik dan melatih golongan remaja dan pemuda tentang kerja-kerja tangan. Cara ini akan meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Namun begitu usaha itu tidak dapat dilakukan sepenuhnya dan bantuan kerajaan British amat diperlukan.

Bolehlah dikatakan Dato' Onn Jaafar adalah pelopor penubuhan UMNO. Tanpa Dato' Onn Jaafar dan sokongan daripada masyarakat Melayu secara amnya, masyarakat Melayu akan terus ketinggalan. Oleh itu UMNO yang terus diharapkan terus memainkan peranan penting untuk memajukan masyarakat Melayu di negara tercinta ini.

Bendera UMNO

Sebaik sahaja UMNO diadakan terdapat satu lagi Perhimpunan Majlis Agung UMNO yang kedua di Ipoh. Dalam persidangan yang diadakan di Dewan Bandaran Ipoh pada 29 dan 30 Jun 1946, ahli-ahli UMNO membincangkan tentang bendera UMNO.

Pelbagai jenis contoh bendera yang telah dihasilkan oleh setiap perwakilan. Setiap bendera yang dilakarkan itu mempunyai warna dan bentuk yang mempunyai maksud tertentu.

Sebagai wakil daripada Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Dato' Onn Jaafar juga mengemukakan benderanya. Bendera tersebut mempunyai tiga warna iaitu jaluran hitam, putih dan hijau. Dato' Onn Jaafar berpendapat hitam bermaksud hasil

bumi (bijih timah), hijau melambangkan kesuburan dan putih bermakna keikhlasan.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya pula mencadangkan warna merah putih yang bercorak selari, ini disokong oleh Encik Ishak bin Haji Muhammad. Bendera merah putih itu menarik semua perwakilan.

Persatuan Melayu Sabak Bernam pula menyarankan supaya bendera yang berwarna putih dan merah itu harus diletakkan gambar sebilah keris berwarna hijau di tengah-tengahnya. Ini disokong oleh Ikatan Setia



Bendera Umno berkibar megah

Kampung Baru Kuala Lumpur. Namun begitu satu bentuk bulatan hendaklah diletakkan di tengah-tengah warna merah putih dan sebilah keris hijau dalamnya. Mereka berpendapat bahawa bulatan kuning yang melatari keris hijau adalah lambang Raja-raja Melayu.

Setelah mengambil kira semua pendapat perwakilan dari seluruh Tanah Melayu itu, secara rasminya bentuk dan warna bendera UMNO diguna pakai dalam parti berkenaan. Sebagai merumuskan maksud bendera itu, Dato' Onn Jaafar telah menyatakan

bahawa bendera UMNO mempunyai maksud. Antaranya:

Warna Merah
sebagai lambang keberanian.
Warna Putih
sebagai lambang kesucian.
Warna Kuning
sebagai lambang diraja.
Warna Hijau
sebagai lambang agama
Islam.
Gambar Keris
melambangkan keutuhan
bangsa Melayu.

PENUBUHAN PELBAGAI PARTI

Malaya Untuk Malayan

Sebaik sahaja pembentukan Tanah Melayu, Dato' Onn Jaafar telah mula menyuarakan hasratnya tentang Malaya untuk Malayan yang bererti Tanah Melayu untuk orang Tanah Melayu tanpa mengira kaum. Pada bulan Oktober 1948, beliau melakukan lawatan ke London. Pada masa itulah beliau menyatakan bahawa betapa pentingnya menghindarkan rasa syak wasangka terhadap kaum lain seperti Cina dan India.

Dato' Onn Jaafar berpendapat adalah baik untuk menyatukan semua kaum dalam sebuah parti. Ini disebabkan pada masa itu Tanah Melayu dalam keadaan darurat akibat pertelingkahan kaum yang kian memuncak. Oleh itu dengan adanya satu parti, Dato' Onn Jaafar percaya Tanah Melayu akan kembali aman.

Pada masa itu sebuah akhbar yang dikenali dengan nama Majlis yang diterbitkan pada 24 Oktober 1948 telah mempersoalkan supaya tindakan dilakukan ke atas masyarakat Cina yang terlibat dalam kegiatan komunis. Bagi pendapat Dato' Onn Jaafar, suara-suara seumpama itu boleh meningkatkan ketegangan.

Pada 31 Disember 1948, Dato' Onn Jaafar yang ketika itu menjadi Pengerusi UMNO dan Menteri Besar Johor telah mengadakan satu pertemuan dengan 21 orang pemimpin pelbagai kaum di

rumahnya. Antara para pemimpin yang hadir dalam pertemuan itu ialah Tan Cheng Lock dan E.E.C Thurasungam turut disertai Sir Roland Bradell.

Perbincangan dilakukan sehingga terbentuknya sebuah badan yang dinamakan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum. Badan ini merupakan langkah bagi mengelakkan kekacauan yang ditimbulkan oleh pihak komunis di Tanah Melayu. Badan ini juga dapat memastikan usaha bersepadu antara kaum dan menanamkan semangat kebangsaan.

Bagi menggiatkan lagi fungsi badan tersebut, pertemuan dilakukan pada kali kedua. Pertemuan kali kedua ini dilakukan di Pulau Pinang pada bulan Januari 1949 dan secara rasminya Jawatankuasa Perhubungan Kaum dilaksanakan. Ahli yang menganggotai badan tersebut terdiri daripada lima orang Melayu dan empat orang daripada keturunan lain.

Keanggotaan orang Melayu, terdiri daripada Dato' Onn Jaafar, Datuk Panglima Bukit Gantang, Encik Salleh bin Hakim, Dr. Mustafa bin Osman dan Encik Zainal Abidin bin Haji Abbas.

Pada bulan Ogos 1949, keanggotaan dibuka secara meluas dengan memperuntukkan seramai 60 orang ahli Melayu, enam orang ahli Cina, seorang India, seorang Serani, seorang Sri Lanka dan seorang Inggeris.

Setelah badan tersebut ditubuhkan, Dato' Onn Jaafar memberi mencadangkan kepada masyarakat Melayu supaya membuka pintu keanggotaan UMNO kepada bangsa lain. Ini dilakukan oleh Dato' Onn Jaafar dalam pertemuan persidangan agung

UMNO di Butterworth pada 29 Mei 1949. Antara usul beliau ialah:

"Adalah mustahak sekali bagi orang Melayu memperoleh perhubungan yang lebih erat dengan suku-suku bangsa lain di negara ini. Sekarang sudah sampailah masanya bagi kita mengambil pandangan yang lebih luas jangan sampai kita dikatakan sempit pandangan dan berwas-was sahaja."

Namun begitu cadangan tersebut tidak mendapat sambutan seperti yang diharapkan. Ini disebabkan masyarakat Melayu merasakan kemasukan bukan Melayu ke dalam UMNO akan merugikan masyarakat Melayu sendiri.

Dato' Onn Jaafar tidak berputus asa. Beliau percaya masyarakat Melayu akan menerima usulnya kelak. Beliau juga turut membincangkan tentang kerakyatan. Oleh itu satu ucapannya ketika membahaskan tentang taraf kerakyatan di Majlis Mesyuarat agung UMNO di Hotel Majestic, Kuala Lumpur (berhadapan stesen kereta api KTM) pada 20 dan 21 Mei 1950, Dato' Onn Jaafar telah mengusulkan supaya sebuah gagasan Tanah Melayu adalah untuk penduduk berbilang kaum dengan kewarganegaraan yang tunggal. Ini dapat dilihat dalam ucapannya yang berbunyi:

"Jangan ada sesiapa, sama ada di sini ataupun di mana-mana di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini yang berkehendakkan mem-

perdayakan dirinya sendiri, dengan berfikir iaitu tidak mustahak berikhtiar supaya dapat kita satukan perasaan kasih sayang terhadap negeri kita ini atau yang berkehendakkan memperdayakan dirinya sendiri dengan berfikir-fikir iaitu boleh didirikan sebuah kerajaan yang merdeka di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini dengan adanya di dalam negeri kita ini puak-puak yang berpecah-pecahan, puak-puak yang berlaga-laga dan berlawan-lawanan antara satu dengan lain. Jangan sesiapa yang berkehendak memperdayakan dirinya sendiri apa yang berlaku di beberapa buah negeri yang sudah pun mendirikan kerajaan yang disangkanya



Dato' Onn Jaafar membuka ruang ketika kaum lain dalam menuntut kemerdekaan

merdeka akan tetapi oleh sebab tidak dapat menyatukan umat di dalam negerinya, maka pada hari ini kerajaan yang dikatakan merdeka itu bersusah payah hendak menjalankan pemerintahannya."

Menyedari hakikat inilah Dato' Onn Jaafar sanggup menyertai Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum yang dibentuk Kerajaan Inggeris. Tujuan badan

itu ditubuhkan adalah untuk menyatakan semua kaum yang ada di Tanah Melayu.

Namun begitu hak-hak keistimewaan masyarakat Melayu tidak akan diabaikan. Dato' Onn Jaafar juga mempunyai hasrat untuk memajukan masyarakat Melayu dari segi ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Disebabkan saranan Dato' Onn Jaafar tidak disokong oleh masyarakat Melayu, satu persidangan khas telah diadakan untuk membincangkan usul-usul oleh Dato' Onn Jaafar. Persidangan khas yang diadakan pada 10 dan 11 Jun 1950 telah menjadi satu medan perbahasan yang menggugat reputasi Dato' Onn Jaafar sebagai pengerusi UMNO.

Sesuatu yang paling memeranjatkan apabila Dato' Onn Jaafar dengan tenang mengumumkan perletakan jawatan sebagai Yang Dipertua Agung UMNO. Walaupun telah dipujuk oleh orang kanannya, namun keputusan tersebut adalah mukhtamad.

Sehubungan itu lebih daripada 5 000 penyokong UMNO berkumpul di hadapan bangunan UMNO untuk merayu supaya Dato' Onn Jaafar menerajui UMNO semula, namun usaha itu sia-sia sahaja. Ini disebabkan Dato' Onn Jaafar berasa amat sedih kerana usulnya tidak diterima oleh masyarakat Melayu sendiri.

Rayuan dan desakan terus dilakukan. Akhirnya Dato' Onn Jaafar juga termakan dengan pujuk rayu masyarakat Melayu. Oleh itu beliau menyertai UMNO kembali dengan syarat ahli-ahli UMNO harus berada di belakangnya.

Sekali lagi Dato' Onn Jaafar menimbulkan kontroversi di kalangan masyarakat Melayu apabila menyarankan UMNO dibuka kepada kaum

lain. Bahkan ingin menjadikan UMNO atau United Malay National Organization kepada United Malaya National Organization.

Cita-cita Dato' Onn Jaafar itu ditentang dengan hebat oleh masyarakat Melayu. Memandangkan tentangan tersebut, akhirnya Dato' Onn Jaafar mengundurkan diri dan berusaha untuk menubuhkan parti untuk semua kaum.

Independence of Malaya Party (IMP)

Independence of Malaya Party (IMP) atau lebih dikenali sebagai Parti Kemerdekaan Malaya. Ditubuhkan oleh Dato' Onn Jaafar apabila beliau tidak mendapat sokongan daripada masyarakat Melayu apabila menyertai persidangan UMNO pada 20 Mei 1950. Oleh itu Dato' Onn Jaafar telah menubuhkan IMP yang diharapkan dapat sokongan daripada semua kaum di Tanah Melayu.

Sebaik sahaja Dato' Onn Jaafar menubuhkan parti IMP, sokongan yang diberikan masyarakat Cina amat mengagumkan. Selain itu masyarakat India dan Serani juga berminat untuk menyertai IMP.

Bagi menguatkan lagi parti yang baru ditubuhkan itu, Dato' Onn Jaafar telah memberi peluang kepada para pemimpin seperti Tan Cheng Lock, E.E.C Thukaisingam, Encik R. Raman dan Dato' Mohamad Noah. Selain itu terdapat sebilangan penyokong kuat Dato' Onn Jaafar menyertai IMP.

Bagi menguatkan IMP, Dato' Onn Jaafar telah menyatakan

objektif penubuhan parti berbilang kaum ini. Objektif penubuhan IMP:

- a) Berusaha mencapai taraf sebuah Kerajaan yang berkerajaan sendiri dalam tempoh 10 tahun.
- b) Mengadakan pilihan raya Kerajaan tempatan menjelang tahun 1953 dengan Pilihan raya Persekutuan menjelang tahun 1955.
- c) Mengadakan satu bentuk pelajaran percuma dan wajib bagi kanak-kanak yang berumur antara 6 hingga 12 tahun menjelang tahun 1955.
- d) Mengadakan perkhidmatan kemasyarakatan yang lebih baik terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.
- e) Mengadakan bantuan kewangan dan menentukan harga terjamin untuk hasil-hasil pertanian serta ternakan.

Parti Kemerdekaan Malaya yang ditubuhkan oleh Dato' Onn Jaafar tidak kekal lama. Ini disebabkan terdapat segelintir pemimpin kaum Cina yang menyertai gabungan parti yang ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Ini disebabkan Tunku yang ketika itu menjadi Yang Dipertua Agung UMNO menyarankan supaya UMNO bergabung dengan MCA untuk mencapai kemerdekaan. Usul ini dibuat pada Persidangan Agung Setengah Tahunan yang diadakan pada 29 dan 30 Mac 1952. Kerjasama ini telah menyebabkan Perikatan memenangi pilihan raya Majlis Bandaran yang diadakan pada tahun 1952.

Dalam pilihan raya tersebut IMP yang dipimpin oleh Dato' Onn

Jaafar turut bertanding tetapi kalah. Akibat kemenangan itu Tunku telah mengadakan satu Persidangan Meja Bundar yang membincangkan penyatuan secara sah untuk menuntut kemerdekaan.

Kesan daripada keaktifan UMNO dan MCA menuntut kemerdekaan, lahirlah beberapa buah parti lain yang juga mempunyai agenda yang sama iaitu menuntut kemerdekaan.

Antara parti yang muncul ketrika itu ialah MIC, Malayan Democratic Union, Parti Kebangsaan Melayu, Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS), Parti Progresif Rakyat, Parti Rakyat dan Parti Buruh.

Oleh sebab IMP tidak mendapat sokongan daripada masyarakat berbilang kaum, Dato' Onn Jaafar sekali lagi menubuhkan sebuah parti lain yang lebih berbentuk global. Parti itu dinamakan Parti Kebangsaan Malaya. Keahlian Parti kebangsaan Malaya ini juga dibuka kepada semua kaum. Parti ini adalah sebagai kesinambungan IMP yang telah terkubur.

Parti Kebangsaan Malaya juga tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Oleh itu Dato' Onn Jaafar sekali lagi telah menubuhkan parti baru yang lebih terbuka iaitu Parti Negara.

Parti Negara

Parti Negara ditubuhkan pada bulan Mac 1954. Parti ini mempunyai pelbagai matlamat. Matlamatnya ialah:

- a) Berusaha untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang memerintah di Persekutuan Tanah Melayu menurut konsep demokrasi dan berlunaskan kehendak-kehendak keadilan.
- b) Mewujudkan satu rupa bangsa Melayu dengan satu kerakyatan

bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

- c) Islam adalah sebagai agama rasmi bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu tetapi agama-agama lain adalah bebas untuk dianuti oleh penduduk daripada kaum lain di Persekutuan Tanah Melayu.
- d) Berusaha untuk memajukan rakyat dari segi sosial dan ekonomi dan membolehkan mereka mencari nafkah hidup yang halal dengan ikhtiar dan tangan sendiri.

Sungguhpun Parti Negara ini telah diwujudkan dengan begitu baik, namun sokongan masyarakat Melayu terhadap parti tersebut adalah kurang memuaskan.

Pada 18 Ogos 1954, Dewan Undangan Persekutuan meluluskan pindaan Perlembagaan untuk Persekutuan Tanah Melayu. Pengumuman pilihan raya yang akan diadakan pada 27 Julai 1955 dibuat. Oleh itu Dewan Perundangan Persekutuan akan dibubarkan dan kesempatan ini telah menyebabkan Dato' Onn Jaafar meletakkan jawatan sebagai Menteri Hal-ehwal Dalam Negeri untuk menumpukan kepada Parti Negara. Ini disebabkan Parti Negara akan menghadapi tentangan daripada Parti Perikatan gabungan UMNO, MCA dan MIC dalam pilihan raya akan datang.

Sebaik sahaja pilihan raya dilaksanakan pada bulan Julai, Parti

Negara telah menyenaraikan 30 orang calon untuk menentang calon Perikatan yang ahlinya terdiri daripada 29 orang Melayu.

Dato' Onn Jaafar sendiri bertanding dalam pilihan raya itu di kawasan Johor Bahru. Beliau akan berhadapan dengan Dato' Sulaiman bin Dato' Haji Abdul Rahman daripada Perikatan. Dalam pertandingan tersebut, Dato' Onn Jaafar telah kalah apabila Dato' Sulaiman bin Dato' Hanafi telah mendapat 8 745 undi berbanding 2 802 undi yang diperolehi oleh Dato' Onn Jaafar. Bagi keseleruahnya Parti Negara hanya memperoleh 7.68%



Logo Parti Negara

undi berbanding Perikatan yang melebihi 79.63 peratus. Hasil daripada itu Perikatan telah memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

Parti Perikatan telah memenangi pilihan raya itu apabila

34 calon Melayu, 15 calon Cina dan seorang calon India dan Sri Lanka telah memenangi kerusi. Dengan kekalahan itu telah menyebabkan Parti Negara pimpinan Dato' Onn Jaafar tidak dapat menyertai perasmian Dewan Perundangan Persekutuan Tanah Melayu yang dirasmikan pada bulan Ogos 1955.

Sungguhpun parti pimpinan Dato' Onn Jaafar telah kalah dengan teruknya dalam pilihan raya, namun beliau tidak pernah mengalah. Oleh itu pada bulan Julai 1957, beliau telah mencuba nasibnya dalam pilihan raya kecil kawasan Batu Pahat Dalam. Pilihan raya itu diadakan kerana wakil Parti Perikatan iaitu MacIntyre telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu ke India. Oleh itu Dato' Onn Jaafar telah bertanding dan bersemuka dengan Dato' Syed Esa Alwi daripada Perikatan.

Pada masa itu Sultan Ibrahim telah menawarkan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Johor kepada Dato' Onn Jaafar. Namun begitu pelawaan itu diterima, tetapi Dato' Onn Jaafar masih mahu bertanding. Beliau juga berpendapa sekiranya beliau menang dalam pilihan raya kecil itu, barulah beliau menerima pelawaan Sultan Ibrahim itu. Oleh sebab Dato' Onn Jaafar telah gagal dalam pilihan raya itu.

Dalam pilihan raya tahun 1959, Dato' Onn Jaafar sekali lagi bertanding sebagai calon Parti Negara di Terengganu. Dalam pertandingan ini beliau berjaya menewaskan calon Parti Perikatan iaitu Engku Mohsin.

Dalam usaha memancing undi, Dato' Onn Jaafar telah bertindak

seperti Ketua Parti, Jurukempen dan Ketua Penerangan. Selain itu juga telah mengupas tentang soal kerakyatan, hak istimewa orang Melayu, pendidikan, ekonomi dan Tanah Simpanan Melayu.

Oleh itu bolehlah dikatakan Dato' Onn Jaafar adalah seorang pejuang kebangsaan yang ulung. Beliau tidak memasukkan soal peribadi atau keturunan. Bahkan kegagalan tidak ada langsung dalam kamus hidupnya oleh itu beliau berjuang hingga ke akhir hayat.

Kekurangan Sokongan Pelbagai Kaum

Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP) dan Parti Negara yang telah diasaskan untuk mendapatkan kemerdekaan secara drastik. Oleh itu Dato' Onn Jaafar percaya kemerdekaan hanya dapat di capai sekiranya semua kaum yang terdapat di Tanah Melayu disatukan dalam sebuah parti yang berbilang kaum. Ini dapat meyakinkan pihak Inggeris untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Dato' Onn Jaafar juga inginkan semua kaum yang terdapat di Tanah Melayu hidup dalam harmoni. Ini disebabkan masih terdapat perasaan syak wasangka antara satu kaum-kaum yang lain. Dengan wujudnya sebuah parti, semua kaum dapat hidup dengan penuh harmoni.

Pada awal penubuhan kedua-dua buah parti mendapat sambutan yang menggalakkan terutama daripada kaum Cina dan India. Walaupun terdapat segelintir masyarakat Melayu yang tidak yakin dengan IMP, tetapi disebabkan pengaruh Dato' Onn Jaafar yang kuat telah menyebabkan masyarakat Melayu yang menyokong UMNO sepenuhnya telah mengikuti



Ahli-ahli Parti Negara 1958

jejak Dato' Onn Jaafar.

Bagi masyarakat Cina dan India pula menyertai IMP adalah disebabkan pada waktu itu pengaruh politik kaum mereka tidak mendapat tempat. Tambahan pula ramai di kalangan masyarakat Cina yang beranggapan bahawa adalah sukar untuk mendapat kemerdekaan dengan parti yang hanya dianggotai oleh kaum Cina.

Bagi masyarakat India pula, jumlah mereka adalah kecil. Oleh itu sebarang penubuhan parti tidak akan mengubah senario politik negara.

Apabila Dato' Onn Jaafar menubuhkan IMP kedua-dua buah kaum ini berharap parti itu dapat mendengar suara mereka. Tambahan pula mereka juga mempunyai hasrat untuk memimpin negara seperti pemimpin-pemimpin Melayu.

Sambutan di kalangan masyarakat Melayu kian berkurangan. Ini disebabkan banyak faktor. Antaranya perpecahan UMNO akan berlaku sekiranya Dato' Onn Jaafar keluar dari

UMNO. Pada masa itu kebanyakan masyarakat Melayu bergantung harap kepada Dato' Onn Jaafar untuk menerajui negara. Sekiranya Dato' Onn Jaafar keluar dari UMNO, ini bermakna sebahagian besarnya akan mengikuti Dato' Onn Jaafar untuk menubuhkan

IMP. Sehubungan dengan itu kekuatan UMNO akan berkurangan. Akhirnya akan merugikan masyarakat Melayu juga.

Selain itu terdapat juga di kalangan masyarakat Melayu yang percaya bahawa penggabungan dengan kaum lain bukanlah sesuatu yang mudah. Ini disebabkan ramai masyarakat Melayu yang percaya negara ini hanya boleh diterajui oleh pemimpin Melayu. Sekiranya Dato' Onn Jaafar menubuhkan IMP, bermakna kepimpinan negara akan diberikan kepada kaum lain juga. Akhirnya masyarakat Melayu yang akan ketinggalan.

Bagi masyarakat Cina, pada awal penubuhan IMP merupakan satu alternatif yang cukup baik untuk mereka. IMP telah memberi ruang untuk mereka bersama-sama masyarakat Melayu memimpin negara.

Namun begitu pengaruh mereka kian berkurangan. Ini disebabkan masyarakat Cina berpendapat bahawa IMP hanya

akan didominasi oleh orang Melayu. Perkara yang paling merisaukan mereka apabila parti itu lebih bercorak kemelayuan. Ini akan merugikan mereka juga di belakangan hari.

Masyarakat India juga turut mengalami keadaan yang sama. Oleh kerana jumlah masyarakat yang kecil, kemasukan masyarakat India ke IMP akan mengurangkan jumlah ahli MIC. Oleh itulah amat kecil jumlah kemasukan masyarakat India di dalam IMP.

Memandangkan sambutan rakyat Tanah Melayu kian berkurangan, Dato' Onn Jaafar telah menubuhkan Parti Negara. Parti ini juga mempunyai asas yang sama seperti IMP. Namun begitu Parti Negara juga mempunyai nasib yang sama seperti IMP.

Penubuhan RIDA

Semasa menjadi Presiden UMNO, Dato' Onn Jaafar sentiasa berusaha untuk memajukan nasib masyarakat Melayu yang jauh ketinggalan berbanding masyarakat lain. Bagi memastikan nasib bangsanya terbela, beliau telah menubuhkan satu badan atau lembaga yang dikenali sebagai

Lembaga Perusahaan dan Kemajuan Kampung (RIDA) kini MARA.

Dengan tertubuhnya RIDA pada pertengahan tahun 1950, beliau telah dilantik sebagai pengerusi. Oleh sebab RIDA ditubuhkan di Kuala Lumpur, memaksa beliau berpindah ke Kuala Lumpur.

RIDA ditubuhkan sebagai sebuah badan yang menggalakkan masyarakat Melayu menceburi bidang ekonomi. Galakan ini adalah susulan yang dibuat oleh beliau dan atas bantuan pihak Inggeris.

RIDA memberi bantuan kepada masyarakat kampung supaya menghasilkan produk yang bernilai komersil. Kemudian produk itu akan dijual secara sistematik. Dalam pada masa itu RIDA akan membantu memasarkan produk pada peringkat awal dan kemudian barulah diambil alih oleh masyarakat kampung.

Selain itu, RIDA juga memastikan masyarakat Melayu mendapat didikan yang sempurna. Hanya dengan menggalakkan anak-anak Melayu supaya memasuki sekolah-sekolah yang sedia ada untuk mendapat ilmu. Dengan kepandaian yang dimiliki dapat mengubah nasib masyarakat Melayu pada masa hadapan.

RUMUSAN KEPIMPINAN Bapa Pembangunan dan Perpaduan Kaum

Dato' Onn Jaafar merupakan seorang yang mengambil berat tentang ekonomi masyarakat Melayu. Oleh itu beliau sentiasa melihat kemunduran dan mencari jalan untuk memajukan bidang tersebut.

Memandangkan pengaruhnya dalam UMNO yang merupakan satu parti terulung, Dato' Onn Jaafar turut menjadi pengerusi RIDA. Penubuhan RIDA merupakan langkah terawal untuk membantu masyarakat Melayu. Ahli-ahli UMNO sendiri sedar tentang kelemahan masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi.

Oleh itu dengan desakan ahli-ahli UMNO dan usaha Dato' Onn Jaafar, pihak Inggeris telah berjanji untuk menyalurkan bantuan kepada masyarakat Melayu melalui RIDA. Sungguhpun Dato' Onn Jaafar telah keluar dari UMNO, tetapi peranan yang dimainkan ketika berada di dalam UMNO dan Parti Negara jelas menunjukkan sifatnya untuk memajukan masyarakat Melayu.

Selain itu, Dato' Onn Jaafar juga berfikiran jauh. Beliau tidak mahu melihat masyarakat Melayu terpisah di dalam sesebuah negeri sahaja tanpa mengambil kira masyarakat Melayu di negeri-negeri lain. Oleh itu penyatuan masyarakat Melayu di antara negeri-negeri di Tanah Melayu penting. Hanya

dengan penyatuan yang akan memastikan Tanah Melayu dapat mencapai kemerdekaan.

Masyarakat Melayu harus mengeneipkan sifat kedaerahan, dan kenegerian dalam usaha untuk bersatu. Oleh itulah UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946 itu adalah bertujuan menyatukan semua masyarakat Melayu yang berada di Tanah Melayu supaya menjadi kuat.

Selain itu, Dato' Onn Jaafar juga



Dato' Onn menerima pingat Honorary Knight Commander

amat cinta kepada masyarakat Melayu. Ini boleh dilihat apabila beliau telah menangani rusuhan yang berlaku di Singapura akibat daripada tindakan Mahkamah Tinggi Singapura mengambil keputusan untuk membatalkan perkahwinan antara Natrah (Maria Hortoch) dengan Mansor

Abadi. Masyarakat Melayu telah membantah keputusan itu dan telah melakukan bantahan dengan merusuh.

Melihatkan keadaan ini, Dato' Onn Jaafar telah meminta supaya masyarakat Melayu bertenang. Ketika itu beliau yang menjadi Yang Dipertua Agung UMNO dan naibnya telah pergi ke Singapura serta merayu kepada masyarakat Melayu supaya tidak melakukan perkara yang buruk. Dato' Onn Jaafar sanggup membatalkan pemergiannya ke Sri Lanka semata-mata untuk memastikan masyarakat Melayu tidak melakukan rusuhan yang lebih dahsyat lagi.

Selain itu Dato' Onn Jaafar juga ingi menyaksikan masyarakat Melayu hidup dalam harmorni dengan masyarakat lain. Oleh itu beliau telah menjadikan UMNO sebagai wadah untuk menyatukan semua kaum.

Bagi menayakan hasrat ini, Dato' Onn Jaafar telah menukarkan UMNO atau United Malay National Organization kepada United Malay National Organization. Namun begitu hasrat tersebut ditolak oleh ahli-ahli UMNO sehingga beliau mengambil jalan pintas dan terus keluar dari UMNO. Akhirnya beliau menubuhkan parti baru yang di kenali sebagai Parti Kemerdekaan Melaya (IMP).

Dato' Onn Jaafar tidak pernah menyuruh pengikutnya menerima usul yang dibawa. Beliau tidak pula memaksa ahli-ahli UMNO mengikutnya keluar dari UMNO setelah beliau keluar daripada UMNO. Sebaliknya hanya ahli-ahli atau penyokong kuat sahaja yang terus menyokong Dato' Onn Jaafar.

Sungguhpun tidak lagi menjadi Yang Dipertua Agung UMNO, namun Dato' Onn Jaafar tetap memberi kerjasama yang baik. Misalnya dalam perhimpunan Agung UMNO yang diadakan di Hotel Majestic pada 25 dan 26 hb. Ogos 1951, Dato' Onn Jaafar telah menyarankan supaya Tuan Haji Ahmad Fuad yang merupakan seorang ulama sebagai pemimpin.

Cadangan ini ditentang oleh Tunku Abdul Rahman Putra yang telah dicalonkan oleh Encik Bahaman bin Shamsudin. Oleh itu ahli-ahli UMNO sebulat suara telah melantik Tunku sebagai yang Dipertua Agong UMNO kerana beliau telah memenangi 57 undi berbandinglawannya.

Ahli-ahli Jawatankuasa UMNO terdiri daripada:

Yang Dipertua Agung:

Tunku Abdul Rahman

Timbalan Yang Dipertua Agung:

Dato' Abdul Razak bin Hussien

Naib Yang Dipertua:

Dato' C.M Yusof

Jawatankuasa:

Datuk Nik Ahmad Kamil

Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan

Datin Putih Mariah

Encik Nasaruddin Rais

Encik Bahaman bin Shamsudin

Syed Nasir Ismail

Pengerusi Tetap:

Tuan Haji Muhammad Noah Omar

Sungguhpun Dato' Onn Jaafar telah meninggalkan UMNO, namun masyarakat Melayu tetap menyanjungi jasa yang ditinggalkan oleh beliau. Ini disebabkan Dato' Onn Jaafar telah menyelamatkan masyarakat Melayu daripada tipu helah kerajaan Inggeris tentang Malayan Union.

Seorang Bapa Yang Penyayang

Dato' Onn Jaafar dikurniakan anak yang ramai. Hasil daripada perkahwinannya dengan Rafiah iaitu isteri pertamanya yang dinikahi pada tahun 1921, beliau dikurniakan tiga orang puteri yang bernama Hawa, Rokiah dan Salehah.

Setelah Rafiah telah kembali kerahmatullah, Dato' Onn Jaafar berkahwin pula dengan Datin Halimah. Perkahwinan ini berkekalan sehingga akhir hayat beliau. Beliau dikurniakan enam orang cahaya mata iaitu Hussien, Jaafar, Nel, Nurziah, Gharieb dan Tahir.

Sepanjang berumahtangga dengan Datin Halimah selama 41 tahun, kehidupan mereka amat bahagia. Dato' Onn Jaafar mempunyai sifat kebapaan yang tulen. Beliau sentiasa mendidik anak-anaknya dengan didikan yang sempurna. Walaupun beliau sibuk dengan hal-hal yang berkaitan dengan kenegaraan, tetapi beliau meluangkan masa untuk bergaul mesra dengan anak-anaknya.

Dato' Onn Jaafar dan Datin Halimah mendidik anak dalam hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan dan kehidupan sebagai seorang

Melayu yang menitikberatkan ciri-ciri ketimuran. Oleh itu anak-anak beliau jarang-jarang melakukan kesalahan besar.

Sekiranya melakukan kesalahan yang dilakukan, Dato' Onn Jaafar akan bersemuka dengan anaknya itu untuk memastikan kesalahan dan menegurnya dengan baik. Tidak hairanlah anak-anaknya tidak akan melakukan kesalahan yang sama.

Selain diberikan didikan agama, Dato' Onn Jaafar juga menekankan pendidikan sekular. Ini penting supaya anak-anaknya itu mendapat didikan dan seterusnya menjadi insan yang berguna pada masa hadapan.

Dato' Onn Jaafar tidak pernah mengeluarkan kata-kata yang kesat atau menengking anak-anaknya. Baginya kata-kata yang lembut akan membentuk sahsiah anak-anak yang baik. Oleh itulah anak-anaknya juga menjadi seorang yang sopan dan amat menghormati orang tua.

Dato' Onn Jaafar juga dikatakan seorang yang tidak cerewet dalam kehidupannya. Misalnya dalam soal pemakanan, beliau akan makan apa sahaja yang dihidangkan oleh isterinya tanpa banyak bicara. Begitu juga dengan hal-hal yang berkaitan dengan pakaian, kejiranan dan sebagainya.

Datin Halimah tidak pernah mengambil kesempatan atas kemewahan yang dimiliki oleh suaminya. Beliau juga sentiasa berkorban demi kebahagiaan keluarga. Inilah yang ditunjukkan oleh Datin Halimah apabila sentiasa ber-



Tun Hussien Onn mempunyai kredibiliti seperti bapanya

sama Dato' Onn Jaafar walaupun suaminya itu menghadapi masalah dengan parti, negara atau sebagainya. Tanpa Datin Halimah, Dato' Onn Jaafar sukar untuk terus bangkit. Sehingga ke akhir hayat, kasih beliau tetap utuh.

Meminati Sukan

Selain meminati bidang penulisan ketika berusia muda, Dato' Onn Jaafar juga meminati bidang sukan. Antara jenis sukan yang paling diminati ialah bola sepak, kriket, hoki, tenis dan perlawanan pedang.

Semasa zaman persekolahan, Dato' Onn Jaafar pernah dilantik kapten kriket untuk pasukan sekolahnya. Dalam permainan bola sepak pula, beliau pernah mewakili Johore Sport Club dalam beberapa pertandingan

bola sepak dengan pasukan bola sepak negeri-negeri lain.

Dato' Onn Jaafar juga meminati seni mempertahankan diri yang menjadi pusaka bangsa Melayu. Perasaan ini bukan sahaja tumbuh pada usia muda sahaja tetapi hingga melewati usia 60 tahun. Oleh itu Dato' Onn Jaafar sentiasa menggalakkan anak-anak muda mempelajari pencak silat supaya tidak pupus ditelan zaman. Minatnya terhadap seni silat ini menyebabkan beliau pernah menjadi penaung Pertubuhan Silat Gayung.

Pada usia mudanya, Dato' Onn Jaafar mempunyai tubuh badan yang tegap hasil daripada aktiviti sukan. Namun begitu minatnya terhadap sukan kian menurun, lebih-lebih lagi apabila beliau semakin sibuk dengan masalah negara.

UCAPAN DATO' ONN JAAFAR

Ucapan Pertama Dato' Onn Jaafar
Di Kongres Melayu Pertama 1946,
Kelab Kampung Baru, Kuala
Lumpur

Yang amat Mulia Tengku-tengku, Dato'-dato' dan saudara perempuan sekalian, sebelum saya ucapkan berkenaan dengan tujuan atas fasal yang pertama di dalam mesyuarat ini, saya ucapkan terima kasih dengan setulus-setulus hati kerana kehormatan yang tinggi yang telah tuan-tuan kurniakan kepada saya dengan melantik saya sebagai pengerusi bagi persidangan yang sangat bermakna ini dari wakil-wakil umat Melayu dari segenap negeri dan jajahan Tanah Melayu ini. Saya mencadangkan kongres ini tetapi mereka yang menanggung keberatan. Oleh itu saya ucapkan terima kasih.

Kepercayaan tuan-tuan ialah suatu yang tidak dapat saya lafaskan dengan lidah. Perbuatan tuan-tuan atas saya ialah suatu lafaz kepercayaan tuan-tuan atas mustahaknya persidangan sebagaimana yang berkumpul di sini dan atas kemahuan dan keazaman tuan-tuan dari runding-rundingan dan keputusan hari ini hendak membinakan tapak-tapak bangunan yang akan menghasilkan dan memisahkan cita-cita bangsa kita yang telah lama di idam-idamkan iaitu persatuan di antara kita sendiri.

Adapun maksud dan tujuan ini ialah keyakinan dihati kita bahawa nasib

bangsa kita itu hanyalah dapat diperkekalkan dengan kesatuan hati di antara kita juga dan kesatuan kebangsaan kita itu hanyalah akan dapat dipelihara dengan berpegang kepada suatu kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi daripada bangsa itu sekalian.

Sebagaimana kita ini ada menaruh fikiran fahaman yang lain-lain dan apa jua taraf dan kedudukan kita itu bahawa adalah satu sahaja hakikat dan kehendak kita itu iaitu kita berkehendak meninggikan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita. Kita berkehendakan tanahair dan bangsa kita ini terselamat dan kuat. Kedua-duanya itu hanyalah boleh terselamat jika kuat dan hanyalah boleh kuat jika bersatu padu. Dan lagi kita berkendak mengambil bahagian dan pikulan kita pada penolakkan, selagi ada masanya, akan keaiban yang disebabkan oleh kebinasaan dan kepupusan bangsa kita itu. Kita berkehendak melihat supaya berhasil persatuan sepenuhnya serta secukup kekuatan menurut kehendak zaman yang ada ini.

Pada waktu dan zaman kehidupan kita ini setelah ditimpa suatu peperangan yang tiada bandingnya di dalam tawarikh dunia ini mana sekalipun manusia di dalam segala negeri adalah berharap akan dapat merasai suatu keadaan berhidup yang lebih baik dan lebih selamat daripada yang susah.

Adakah kita berkehendak memandang sahaja akan hal-hal atau adakah kita berkehendak juga menyaingi mereka itu. Belum pernah lagi terhadap kepada kita suatu peluang bagaimana yang

ada ini pada memulih yang mana kita kehendak itu. Adakah kebahiannya atau kecelakaannya. Maka pilihan itu adalah terbuka kepada tuan-tuan sekalian pada memilihnya. Timbangan neraca nasib bangsa kita itu adalah di dalam genggam tangan-tuan pada hari ini.

Keputusan dan pilihan tuan-tuan

sengsaraan.

Adapun kemudian daripada kemalangan yang terbit daripada peperangan dunia yang baharu lepas ini maka bangsa dunia telah bersatu padu mengadakan suatu ikhtiar bagi menyelamatkan dirinya daripada dibinasakan oleh bangsa yang lain serta mengadakan suatu ikhtiar bagi mem-

betulkan perkara-perkara yang mendatangkan kesusahan keadaannya dengan tidak payah lagi bermusuhan. Maka daripada ikhtiar itu zahirnya UMNO itu.

Orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini telah mendirikan Persekutuan. Persatuan, Kesatuan, Parti dan Pergerakan, kesemuanya dengan satu tujuan iaitu hendak menyatukan dan memperbaiki keadaan kehidupan bangsanya. Maka, hanya iaitu telah didirikan Persekutuan dan lain-lain itu telah membantutkan tujuan kesemuanya dan tiap-tiap sebuah daripadanya itu. Maka daripada bersatu hati telah tersemai pula benih yang telah membawa kepada berpecah-belah.

Perusahaan kita itu tiada menyamai dengan cita-cita dan tujuan-tujuan kita.

Terbayanglah di sini bayangan berpecah-belah dan kehampaan. Kedengaranlah kepada kita ejek-ejekan dan celaan-celaan oleh tiada berhasil bagaimana cita-cita kita itu.

Kiranya telah ada berpecah-belah itu makan hendaklah kita memperbetulkan-



Kata-kata Dato' Onn Jaafar menjadi perangsang kebangkitan semangat orang-orang Melayu

itu akan menentukan sama ada sekiranya kita akan mengambil bahagian yang terpuji pada memberatkan timbangan neraca itu kepada mendatangkan kepercayaan daripada kebimbangan dan kebahagiaan daripada ke-

nya. Adakah kita berfikirkan perbuatan ini tidak terdaya kepada kita membuatnya?

Sebagaimana juga bangsa-bangsa dunia telah berkumpul pada mengadakan suatu ikhtiar bagi keselamatannya dan supaya perkara-perkara yang mendatangkan kesusahan padanya dan orang-orangnya boleh dapat diperbaiki maka demikianlah Persekutuan-persekutuan Melayu dan lain itu hendaklah berkumpul supaya kesusahan-kesusahan orang-orangnya akan dapat diperbaiki dan diselamatkan.

Adapun ikhtiar yang terbuka kepada umat Melayu itu ialah mengadakan Persatuan di antara Kesatuan-kesatuan iaitu berdiri serta berpegang kepada Persatuan itu.

Dari segala ceruk-ceruk Semenanjung Tanah Melayu ini telah kedengaran kepada kita seruan supaya bersatu dan pada hari ini kesungguhan seruan itu akan teruji dan tat kala di dalam ujian itu makan tuan-tuan yang mewakili mereka itu hendaklah bersatu suara supaya seruan itu akan dapat sahutannya.

Di luar negeri kita yang dahulu senang dan makmur maka dunia ini adalah gelap-gelita. Di dalam negeri kita sendiri maka perkembangan sebuah negeri yang makmur dan senang itu mengandungi penduduk-penduduk yang tersenyum dan bersenang hati telah dicemarkan oleh pergaduhan di antara bangsa-bangsa serta perbuatan yang menyalahi di atas kita adalah terbayang suatu kebimbangan keadaan yang ada ini bukanlah sebagai yang patutnya.

Akan tetapi janganlah hal-hal ini mendatangkan kecil hati kepada tuan-tuan pada hati ini lebih daripada lain masa di dalam tawarikh dan kehidupan umat Melayu adalah dikehendaki kita

bersabar dan bertenang fikiran supaya dapat kita menimbang secara yang benar akan olok-olokan yang terbit daripada dunia ini.

Pada hari ini lebih daripada lain-lain masa di dalam tawarikh bangsa kita adalah dikehendaki kita berkuat hati supaya dapat kita hadapkan apa juga yang akan datang dengan kepercayaan di atas diri kita sendiri.

- Marilah kita tunjukkan kepada dunia iaitu roh dan semangat datuk nenek kita itu masih ada lagi dengan kita.

- Marilah kita tunjukkan iaitu kita masih boleh mengangkat kepala kita dan menetap dunia bagaimana orang yang benar dan kuat hatinya membuat.
- Marilah kita tunjukkan iaitu seberat-berat paluan boleh kita pertahankan dengan tersenyum dan berhidup dengan lebih segar daripada dahulu.

- Marilah kita tunjukkan iaitu dengan persatuan di antara kita maka kita berkehendakkan menzahirkan satu bangsa yang lebih tegap dan subur boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sini bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu.

- Marilah kita mengaku akan diri kita tidak kurang sedikit pun dari lain-lain bangsa.

- Marilah kita bersatu dan berusaha bagi faedah bangsa kita dan marilah kita bekerjasama dan menyamakan perusahaan-perusahaan kita itu bagi melayakkan diri kita menjadi satu bangsa yang benar.

Bersatulah sebagaimana belum pernah kita bersatu dahulu dan berusahalah sebagaimana belum pernah kita berusaha. Tunjukkanlah bahawa kita

sebenar-benarnya
keturunan
datuk



Membenarkan Tunku Abdul Rahman sebagai pengganti beliau

negeri kita yang di dalam segala perkara kehidupan sememang telah ada dan masih akan ada lagi. Akan tetapi berlawanan yang benar patut dibimbangkan bahkan patut disambut.

Sungguhpun pada masa setahun lebih yang baharu lepas ini telah berlaku beberapa kejadian di antara bangsa-bangsa yang telah mencaatkan kehidupan beribu-ribu orang yang telah hidup dengan baik dari semenjak sebelum Semenanjung ini diperintah oleh satu bangsa akan tetapi tiada patut di-

nenek kita yang menghadap merbahaya dengan bersatu hati. Dengan bersatu itu sahaja akan dapat kita mengadap masa yang akan datang dengan harapan akan jaya cita-cita kita itu.

Hadaplah apa-apa yang akan datang itu dengan hati yang kukuh dan perasaan yang sabar serta dengan sepenuh-penuh kepercayaan di atas keikhlasan niat-niat dan tujuan-tujuan kita itu. Insya-Allah pada suatu hari kita akan hidup di dalam cahaya sinaran kemerdekaan sama taraf dengan orang-orang yang merdeka dan menjadi kemegahan kepada diri kita sendiri.

Saya telah mendengar iaitu persatuan di antara orang-orang Melayu akan menjadi berbahaya kepada lain-lain bangsa di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini. Akan tetapi saya tidak mengerti apa sebabnya. Sebaliknya pula persatuan umat Melayu itu akan menjadi lebih-lebih membawa kepada ketetapan dan keadilan di dalam

bimbangkan bahawa kesatuan di antara orang-orang Melayu itu akan membawa kepada pergaduhan dan perkelahian lagi.

Sebelum saya menutup ucapan ini ingin saya tekankan bahawa maruah dan nama bangsa kita perlu dijaga. Adapun tuan-tuan yang berhimpun di sini pada hari ini ialah wakil-wakil yang terpilih dan setiap patah perkataan serta tiap-tiap satu gerak-geri dan perbuatan tuan-tuan akan ditimbang dan diperhatikan. Yang demikian itu jemputlah menjalankan rundungan kita ini dengan keadaan terbaik-baik dan berikhlasan hati dan jika sekiranya ada yang hendak mendatangkan teguran maka biarlah teguran-tergutan barang yang bernas dan memberi faedah.

Tuan-tuan adalah dikehendaki memberi satu keputusan sahaja iaitu adakah atau tidak hendak menjadikan UMNO itu. Butir-butir pendirian dan perjalanan UMNO itu ialah perkara yang tuan-tuan juga mesti menetapkan. Saya hanya meminta supaya fikiran dan

syor-syor yang berfaedah tatkala dibukakan peluang bagi merundingkan perkara-perkara itu. Demikianlah percakapan saya dengan mengulangi sekali lagi sepenuh-penuh terima kasih daripada hati saya yang ikhlas adanya.

Hidup Melayu!

Ucapan Terakhir oleh Dato' Onn Jaafar Sebagai Yang Dipertua Agung UMNO di Perhimpunan UMNO Malaya pada 20 dan 27 Ogos 1951.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Mulia Tunku dan wakil-wakil sekalian.

Pada hari ini telah sampai masanya saya menyerahkan teraju pimpinan serta ketuaan UMNO ini kepada tangan pengganti saya, Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman yang baharu dilantik sebentar tadi. Dengan menyerahkan teraju itu maka saya mengambil peluang ini mengucapkan bagi pihak ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan khasnya bagi diri saya sendiri yang disertakan dengan ucapan selamat bekerja dan menjayakan UMNO itu selagi ia memegang jawatan Yang Dipertua UMNO itu dan juga dengan jawatan itu menjadi penganjur Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini. Begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Abdul Razak bin Hussain yang telah dilantik dengan tidak ada musuhnya, menjadi Timbalan Yang Dipertua UMNO ini dan juga dengan jawatan itu menjadi penganjur Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini. Begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Encik Saadon bin Haji Zubir yang telah dilantik menjadi Ketua Perikatan Pemuda yang disertakan dengan menjadi Naib Yang Dipertua UMNO dan juga kepada Hajjah Zain yang telah dilantik menjadi

Ketua Kaum Ibu bagi kali yang kedua yang disertakan dengan menjadi Naib Yang Dipertua UMNO.

Kepada Tuan Pengerusi,

Saya mengucapkan tahniah oleh kerana dengan sebulat suara telah dilantik menjadi Pengerusi bagi tahun yang akan datang ini bagi majlis Mesyuarat ini. Sungguhpun Tuan Pengerusi sendiri telah berbuat berbagai helah bagi menakutkan wakil-wakil yang ada, susah hati saya tidak dapat memberi ucapan tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang baharu, kepada tiap-tiap seorang, memadilah diucapkan selamat sekaliannya barang siapa juga yang terpilih.

Yang Amat Mulia Tunku Yang Dipertua, Dengan suka hati ahli-ahli Jawatankuasa Kerja menyerahkan panduan dan pimpinan UMNO ini kepada Yang Amat Mulia, iaitu UMNO yang masih subur dan kuat pendiriannya dan UMNO yang diharapkan akan menjadi lebih subur dan lebih kuat di dalam masa dipandu dan diteraju oleh Yang Amat Mulia Tunku.

Inilah kali yang terakhir, saya bangun bercakap di hadapan wakil-wakil Majlis sebagai Yang Dipertua UMNO iaitu suatu jawatan yang saya telah pegang daripada mulanya pergerakan UMNO ini, dikecualikan sedikit bulan pada tahun yang lepas. Wakil-wakil sekalian tentulah ingat iaitu UMNO ini telah diangan-angankan di dalam masa persidangan Pertubuhan Melayu yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946 yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada pelbagai Pertubuhan di seluruh Tanah

Melayu ini. Persidangan itu telah dihimpunkan supaya mencari ikhtiar bagi membantah akan masa didatangkan oleh pihak Kerajaan British pada bulan Oktober 1945, maka terbit daripada persidangan itu telah lahirlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang diperanakkan di Istana Besar Johor Baharu pada 11 Mei 1946 iaitu lahirnya di sebuah Istana Raja maka dengan itu telah berpadanan pula Yang Dipertua ini berketurunan raja.

Saya telah dilantik menjadi Yang Dipertua yang pertama bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu itu dan bagaimana saya telah berkata, telah memegang jawatan itu hinggalah sebentar tadi, dikecualikan sedikit masa pada tahun lepas. Di dalam masa 5 tahun yang lepas itu, telah dapat dibangunkan sebuah pertubuhan yang pada hari ini telah diakui menjadi Pertubuhan yang pertama yang dipegang oleh orang-orang Melayu.

Pada awal Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ini, ialah mengandungi beberapa Persekutuan-persekutuan yang bergabung kepadanya akan tetapi pada tahun 1949 maka UMNO ini telah menyusun semula pendiriannya dan telah mengadakan ahli-ahli yang berdaftar terus sama ada yang biasa ataupun yang bersekutu, berserta dengan ahli-ahli yang bergabung yang hanyalah tinggal pada hari ini tiga buah sahaja daripada asal iaitu Kesatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Sabak Bernam dan Seberkas Kedah. Patutlah di sini di dalam ucapan saya yang terakhir ini, saya menyebut darihal Persatuan Melayu Sabak

Bernam, ialah sebab Persatuan itu yang telah menyokong UMNO daripada asal diangan-angankan hinggalah kepada hari ini, Persatuan yang tidak pernah mungkir membawa yuran persatuannya itu dan persatuan yang tidak pernah tidak dapat menghantar wakil-wakilnya ke dalam Persidangan ini. Ini suatu teladan yang patut dicontohi oleh lain-lain Persekutuan yang bergabung dan terutama sekali oleh tiap-tiap bahagian yang ada di dalam golongan UMNO ini.

Lebih 110 000 Ahli UMNO

Semenjak daripada tahun 1949 itu maka UMNO telah mendirikan beberapa buah bahagian di dalam tiap-tiap sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini, dan tiap-tiap bahagian itu pula telah mendirikan cawangan-cawangannya dan pada hari ini dengan adanya perdirian bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan itu makan jumlah ahli-ahli UMNO yang berdaftar terus itu telah sampai kepada angka lebih daripada 110 000 orang.

Satu daripada perubahan yang diadakan pada tahun 1948, ialah bagi pihak UMNO ini melapangkan pintunya kepada orang-orang yang bukannya daripada bangsa Melayu atau orang-orang yang tidak boleh melayakkan dirinya menjadi ahli biasa dalam UMNO ini supaya masuk pula menjadi ahli bersekutu.

Kepada diri saya sendiri, telah menjadi suatu dukacita iaitu Majlis Mesyuarat ini tatkala dibawa syor kepadanya bagi dibukakan pintu UMNO ini kepada barang siapa yang berkehendakan menjadi ahlinya, dengan syaratnya menerima tujuan-tujuan UMNO itu serta menerima Undang-undang Tubuhnya maka telah menjadi

dukacita kepada diri saya sendiri suatu cadangan itu telah tidak diterima oleh Majlis ini melainkan telah dibukakan sekerat sahaja pintu UMNO itu kepada ahli-ahli yang bersekutu yang tidak mempunyai hak pun di dalam Pertubuhan itu. Saya telah berasa dan saya masih lagi berasa iaitu sekatan itu ialah suatu langkah yang kelak di belakang hari akan mencatatkan pendirian UMNO sendiri dan saya sukacita pula iaitu pada sebelah pagi tadi Majlis Mesyuarat ini telah menolak suatu cadangan supaya dihapuskan sekali ahli-ahli bersekutu itu.

membenarkan UMNO ini. Sungguhpun adanya pandangan orang-orang daripada bangsa Melayu sendiri yang suka bertenggek di atas pagar dan melihat lain-lain orang memikul pekerjaan yang berat-berat itu, sungguhpun ada beberapa halangan daripada beberapa pihak di negeri-negeri Melayu akan tetapi pejerhaan UMNO itu telah berjalan, perdirian UMNO itu telah semakin tegap dan susunannya itu telah dapat dikemaskan.

Saya suka pula mengambil



Hubungan Dato' Onn Jaafar dengan Tunku Abdul Rahman tetap erat

Sungguhpun UMNO ini telah menerima bebanan, berbagai teguran dan cercaan orang-orang yang hanyalah pandai menegur dan mencerca akan tetapi yang dirinya sendiri tidak sedia atau berkehendak mencampurkan dirinya mengambil bahagian pada

peluang ini menyebut atas jasa-jasa dan pekerjaan pegawai-pegawai UMNO dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO Bahagian Perak dan juga pegawai-pegawai dan ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan-cawangan Perak

itu yang telah dapat menambahkan bilangan ahli-ahlinya sekali ganda lagi di dalam masa setahun yang lepas. Kejayaan itu telah didapati dengan sebab ada panduan yang sempurna dan juga ada pakatan di antara pegawai-pegawai dan ahli-ahlinya. Saya akan menyebut juga akan nama Bahagian Kedah yang telah dapat menambahkan bilangan ahli sekali ganda lagi banyaknya di dalam masa setahun yang lepas ini, sungguhpun menerima berbagai-bagai halangan dan kendala di negerinya itu, perbuatan itu dapat dengan sebab kuat semangat serta hati pegawai-pegawai dan ahli-ahli di Bahagian Kedah itu. Sekiranya wakil-wakil menyelak Penyata Tahun UMNO ini pada kembaran yang pertama akan didapati iaitu lebih daripada 60 peratus bilangan ahli-ahli UMNO adalah dukunya di dalam tiga buah negeri sahaja iaitu di Perak, Johor dan Kedah. Sekiranya pula dibandingkan bilangan penduduk-penduduk Melayu maka barang mustahil sekiranya dikerjakan dengan sebenarnya, lain-lain negeri kecilkan itu tidak boleh dapat ahlinya sebanyak atau sekurangnya dekat sebanyak yang didapati oleh Perak atau Johor atau Kedah itu.

Dalam sesebuah negeri dalam mana jalan-jalan sangattlah kurang bagaimana kita sendiri telah mendengar rayuan daripada wakil-wakil UMNO dari negeri itu, di mana orang-orang penduduk-penduduk di pekan-pekan dan kampung-kampung adalah dan bolehlah dikatakan kebelakangan daripada lain-lain penduduk di lain-lain negeri, di mana orang-orang

negeri itu boleh juga dikatakan ada kurang sekali mengambil bahagian atau campuran di dalam pemerintahan kampungnya sendiri apatah lagi negerinya.

Maka di dalam negeri yang sumpama itu, iaitu negeri Pahang, UMNO telah dapat menjalankan pekerjaannya serta mengadakan Bahagian dan Cawangan-cawangannya. Sungguhpun tidak mendapat sokongan yang penuh atau yang sepatut didapatinya daripada pihak yang patut menolong di dalam negeri itu dan kepada pegawai-pegawai, ahli-ahli Jawatankuasa yang akan menyerahkan kerja-kerjanya pada hari ini maka saya ucapkan tahniah dan selamat.

Dari satu ke satu masa maka ada juga orang-orang Melayu kita sendiri tidak terkecuali surat khabar-surat khabar Melayu, tidak memperhargai jasa atau perbuatan UMNO itu di dalam lapangan iktisad dan lain-lain. Melainkan golongan itu termasuklah juga surat khabar-surat khabar Melayu, kerap kali suka merendhakkah perbuatan UMNO itu. Diri saya sendiri pula tidak begitu mengambil berat di atas teguran atau cercaan yang datang daripada pihak yang sememangnya suka membesarkan perkara yang kecil dan mengecilkan perkara yang besar, pihak yang hanyalah tahu memuji perbuatannya sendiri tetapi tidak dapat mencari suatu perbuatannya sendiri tetapi tidak dapat mencari suatu keelokannya daripada perbuatan lain-lain orang, bagaimana pepatah Melayu, kuman di seberang nampak kepada matanya, gajah di tepi matanya sendiri tidak kelihatan.

Bagi menunjukkan bagaimana luasnya pandangan pihak ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO maka beberapa orang daripada penegur-

penegurnya yang kuat sekali telah disokong supaya diletakkan pula di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan juga beberapa buah Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri-negeri Melayu.

Saya berharap teguran yang didatangkan ke atas UMNO, adalah teguran menuduhkan kelalaian UMNO maka orang-orang yang seumpama itu akan dapat pula membuktikan usahanya di dalam Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan itu, supaya tidaklah pula yang Amat Mulia Yang Dipertua baharu ini, pun terpaksa menempelak bagaimana diri saya pada hari ini.

Terima Kasih

Sebelum saya mengarahkan percakapan ini kepada perkara yang lain-lain, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO atas sokongan dalam masa saya memegang jawatan Yang Dipertua UMNO itu di dalam tahun yang lepas ataupun semenjak terdirinya UMNO ini dan dengan mengucapkan terima kasih itu saya suka juga mengambil peluang menyebut khas kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli anggota Ibu Pejabat UMNO yang telah bekerja dengan ikhlas hatinya dengan bersungguh-sungguh mengelolakan berbagai-bagai pekerjaan yang ditanggungkan Pejabat Setiausaha Agung itu dengan dapat pula mengemaskan segala pekerjaannya hingga teratur kerja-kerja di dalam pejabat itu.

Kepada Yang Amat Berhormat Haji Abdul Wahab, Datuk Panglima Bukit Gantang, saya mengucapkan

terima kasih atas pekerjaannya semasa menjadi Setiausaha Agung UMNO yang pertama. Begitu juga kepada Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Haji Abas yang menjadi Setiausaha Agung yang kedua dan kepada yang Berhormat Kapten Hussian yang menjadi Setiausaha Agung ketiga dan khasnya kepada Encik Shamlan bin Mohammad Yusof yang telah bekerja di dalam pejabat UMNO daripada asal didirikan.

Ibu Pejabat UMNO itu telah menanggung beberapa banyak pekerjaan bukan sahaja berkenaan dengan pejabatnya sendiri akan tetapi berkenaan dengan urusan-urusannya dengan bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO.

Tuan Pengerusi dan Wakil-wakil,

Demikianlah saya menyatakan darihal UMNO itu dengan sangat ringkasnya di dalam masa saya memegang jawatan Yang Dipertua UMNO tetapi saya tidak akan meninggalkan daripada menyebut darihal Perikatan Pemuda UMNO yang berdiri dengan kuatnya di belakang saya sendiri dan khasnya di belakang UMNO itu yang telah menjaga di atas keselamatan diri saya sendiri di dalam masa-masa perlawatan yang jarang-jarang saya dapat adakan kepada Bahagian-bahagian UMNO dan juga daripada menyebut perihal Kaum Ibu UMNO yang rasa sayang telah menyokong UMNO dan diri saya sendiri lebih kuat dan lebih teguh daripada segala sokongan yang diberikan.

Hendak Mendirikan Kemerdekaan

Tuan Pengerusi,

Oleh kerana Majlis ini ada banyak pekerjaan lagi, saya sekarang akan berkata-kata sedikit darihal diri saya berkaitan dengan UMNO dan juga berkaitan dengan pertubuhan baharu yang saya mencadangkan beriktir hendak membangunkan tiada berapa lama lagi supaya bekerja dengan barangsiapa yang berkehendak bagi faedah negeri-negeri ini dan faedah penduduk-penduduknya dengan tujuan berkehendak mendirikan Kemerdekaan di Tanah Melayu ini.

Saya telah ditegurkan oleh kerana setelah menyatakan saya bekehendak dan akan berikhtir hendak menubuhkan sebuah parti yang baharu, maka saya masih juga tidak melepaskan jawatan Yang Dipertua UMNO ini sebabnya saya tidak melepaskan jawatan itu ialah pertamanya oleh memandangkan kepada dekatnya masa hendak diadakan Majlis Mesyuarat ini dan oleh kerana saya berfikir mustahak dan wajib bagi diri saya, berdiri di hadapan tuan-tuan menerima apa juga teguran atau tikaman yang dikehendakkan didatangkan kepada diri saya sendiri. Peluang itu saya bukakan daripada semalam dan hari ini, saya juga telah dituduhkan di dalam Majlis ini hendak lari daripada UMNO. Sekiranya saya sebenar-benarnya meletakkan jawatan Yang Dipertua UMNO tiga bulan dahulu maka sepatut juga boleh dituduhkan saya hendak melarikan diri daripada UMNO. Akan tetapi saya masih menunggu juga sehingga memberi peluang kepada wakil-wakil

UMNO menegur atas apa juga perbuatan saya yang difikirkan tidak disukai olehnya. Sebagai seorang yang mempunyai di dalam badan saya sendiri darah daripada baka Melayu dan Turki dan yang tidak tahu lari, barang mustahil saya anak melarikan diri, bimbang hendak menentang sama ada kepada orang yang hendak menentang kepada saya ataupun hendak bersahabat dengan saya.

Tuduhan-tuduhan

Saya telah dituduhkan juga menderhaka kepada bangsa Melayu dan kepada negeri ini. Tuduhan yang seumpama itu saya pandang dengan sekeji-kejinya. Selama di dalam kehidupan saya ini saya telah bekerja kerana bangsa saya sendiri dan kerana penduduk-penduduk di negeri tempat kediaman saya. Sepanjang-panjang umur saya, saya telah menentang beberapa perbuatan yang pada fikiran saya tidak sesuai dengan cara pemerintahan sesebuah negeri. Saya juga telah dituduh berkehendak menjadi seorang Diktator di dalam UMNO ini akan tetapi sekiranya wakil-wakil sekalian memperhatikan cara bawaan dan pekerjaan di dalam Majlis ini, sekiranya wakil-wakil membaca dengan halusnya syarat-syarat yang terkandung di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu dan sekiranya wakil-wakil memandang kepada susunan UMNO itu sendiri barang mustahil boleh didatangkan satu tuduhan seumpama itu ke atas diri saya.

Tujuan Parti Kemerdekaan Malaya

Saya telah ditubuhkan lagi menjalankan pekerjaan dan gerak langkah yang mencatatkan kepada faedah-faedah UMNO

dan dari itu dengan sindiran itu men-cacatlah juga kepada penduduk-penduduk Melayu di negeri ini. Tetapi cuba kita semak baik-baik apa yang ada ter-sebut di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu, iaitu tujuannya ialah hendak mendirikan sebuah Kerajaan yang merdeka dalam Malaya ini. Itulah juga tujuan yang dicadangkan oleh Parti Kemerdekaan Malaya itu. Cubalah lihat kepada tujuan yang ketiga di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu iaitu memajukan faedah-faedah orang-orang negeri dan khasnya ahli-ahli UMNO di dalam hal yang berkenaan dengan perkara-perkara siasah dan kebajikan hidupnya serta kebudayaannya dan iktisadnya maka tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu ialah hendak bekerja bagi keselamatan dan kemajuan orang-orang yang bekerja dengan titik peluhnya ataupun dengan menggunakan akal fikirannya bagi mencari dan mengikhtiarkan nafkah kehidupannya.

Tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu ialah berkehendak mendirikan sebuah negara yang merdeka yang akan memberi timbangan yang sekata kepada penduduk-penduduknya bagaimana yang dikehendaki oleh agama kita sendiri. Segala tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu adalah seakan-akan dengan tujuan-tujuan yang ada kepada UMNO dan sekiranya saya menubuhkan atau hendak menubuhkan sebuah pertubuhan yang sempurna dan lebih derasnya menghasilkan tujuan-tujuan UMNO itu, adakah perbuatan saya itu perbuatan seorang yang penderhaka?

UMNO ini ialah sebuah Pertubuhan Kebangsaan Melayu iaitu sebuah Pertubuhan Orang-orang Melayu, bolehkah dengan sebenar-benarnya kita

katakan UMNO ini Pertubuhan Kebangsaan Orang-orang di Malaya? Saya tahu, saya mengerti, iaitu apakala saya sebutkan demikian itu, wakil-wakil sekalian tidak menerima fikiran saya itu. Tetapi biarlah kita memandang kepada keadaan yang di Tanah Melayu ini dengan menggunakan cermin yang boleh menampakkan barang yang benar ada dan bukannya cermin yang menampakkan mimpi-mimpi barang-barang yang lazat-lazat masa-masa yang telah sudah. Biarlah kita sedar iaitu hal dan keadaan di Tanah Melayu ini telah berubah, fikiran orang Melayu sendiri telah berubah. Biar kita sedar iaitu di Tanah Melayu ini ada orang-orang yang bukannya keturunan orang-orang Melayu tetapi yang kasih sayang kepada Tanah Melayu dan barangkali lebih daripada ada juga orang-orang Melayu sendiri telah menuntut supaya dijalankan kemerdekaan dengan secara demokrasi dan berkehendak suatu cara pemerintahan yang berdasarkan di atas demokrasi itu dan biarlah kita sedar iaitu suatu pemerintahan atau suatu negeri yang berdasarkan di atas demokrasi itu tidak boleh hendak memelihara hak negeri-negeri itu bagi kepunyaan satu pihak sahaja rakyatnya. Barangsiaapa yang telah mengambil berat menyasiat akan hal-hal dan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam negeri ini barang siapa ada menyasiat hal-hal itu, janganlah seseorang itu berkehendak memperdayakan dirinya dengan berfikir iaitu tujuan UMNO yang kedua itu akan tercapai dengan sebab kuatkuasa satu kaum sahaja ataupun satu pecahan daripada kaum itu, melainkan ke-



Golongan wanita juga aktif dalam pertubuhan politik di negara ini

merdeka itu akan tercapai setelah didapatkan persatuan di antara penduduk-penduduk yang ada di Tanah Melayu ini yang sanggup menumpukan segala taat setianya kepada negeri ini.

Mulut Saya Tertutup

Semalam saya telah berkata iaitu peta yang dipandang oleh kita sekalian ialah peta Tanah Melayu sekadarkan perbezaan di antara peta yang dinampak oleh kebanyakan orang di Tanah Melayu ini, barangkali ada kelainan sedikit atau sebanyak daripada peta yang terbentuk di hadapan mata saya sendiri, oleh kerana saya mempunyai beberapa peluang dapat melihat suatu gerak-langkah, suatu perbuatan atau cadangan yang hendak dijalankan

di Tanah Melayu ini, langkah-langkah dan perbuatan yang mendatangkan kebimbangan kepada diri saya sendiri. Peluang ini bukannya saya dapati dengan sebab ada kelebihan ilmu saya ataupun dengan sebab saya ada kelulusan daripada universiti di mana-mana pun, saya ini sekadar murid daripada sekolah atap sahaja. Saya bukan ada mempunyai kepandaian yang terbit daripada ilmu yang seumpama itu melainkan saya dapat peluang itu oleh kerana dapat melihat di tempat-tempat yang tidak dapat dimasuki oleh kebanyakan orang, melihat gerak-langkah dan cadangan-cadangan yang hendak didatangkan ke atas Tanah Melayu ini.

Malangnya mulut saya tertutup, malang saya berkata mulut saya ini tertutup tidak dapat lahirkan kepada umat Melayu di Semenanjung ini apa

yang diketahui oleh saya, di dalam masa menyempurnakan pekerjaan-pekerjaan dan tanggungan saya itu, oleh kerana sekiranya saya lahirkan, saya percaya tiap-tiap seorang akan bersama-sama dengan saya berdiri menuntut Kemerdekaan Malaya itu.

Inilah sebabnya maka saya telah berfikir dengan sehabis-habisnya iaitu sekiranya Tanah Melayu ini berkehendak menyaingi negeri-negeri yang berjiran dengannya seumpama Indonesia di sebelah selatan, Burma di sebelah Utara, Filipina di sebelah Timur, Ceylon, India dan lain-lain di sebelah Barat, sekiranya Tanah Melayu ini kehendak menyaingi negeri-negeri yang telah bebas itu maka hanyalah satu jalan sahaja yang terbuka kepada pandangan saya, iaitu menuntut kemerdekaan itu dengan beramai-ramai, satu kaum dengan satu kaum menyokong dan bekerjasama, lain jalan tiada ada.

Saya juga telah berkata semalam, sokong yang diharap, sokong itu membawa rebah, pagar yang diharap, pagar itu memakan padi, perkataan itu saya tidak mengubah.

UMNO sebagai sebuah Pertubuhan Melayu, semoleknya berjalan selagi ada Pertubuhan-pertubuhan yang berkaum-kaum di Tanah Melayu ini, menjaga di atas faedah-faedah yang menepati kepada kaumnya itu akan tetapi saya

berharap atas perkara yang bersangkutan-paut dengan kebangsaan negeri dan bukan bermakna kebangsaan itu diambil daripada baka negeri, sekiranya UMNO ini sebenarnya bertujuan dan berkehendak mendirikan Negara Merdeka di dalam Malaya ini maka saya berharap juga pihak UMNO ini akan memandang kepada pandangan yang luas, pandangan yang dikatakan nasional atau kebangsaan itu dan jangan semata-mata menghadapkan pandangannya itu kepada pandangan yang sempit semata-mata, iaitu hidup hanyalah di bawah tempurungnya sendiri dengan tidak menghiraukan iaitu ada lain-lain tempurung yang terletak di sebelah.

Dengan ucapan ini maka saya tamatkan pekerjaan saya, dan saya menyerahkan tanggungan saya yang saya sertakan dengan ucapan selama kepada tiap-tiap seorang wakil, kepada bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan. Oleh kerana dengan sebab keyakinan hati saya sendiri dengan sebab saya kuat berpegang kepada tujuan yang dikehendakkan oleh UMNO itu maka saya percaya gerak langkah yang saya tujukan ini, UMNO dan Parti Kemerdekaan Malaya akan bertemu setelah kita mencapai Kemerdekaan Malaya itu.

BERAKHIR ERA PEMERINTAHAN Kemangkatan

Dato' Onn Jaafar telah meninggal dunia pada 19 Januari 1962 ketika berusia 67 tahun. Beliau meninggal dunia disebabkan oleh penyakit lemah jantung. Dato' Onn Jaafar menghembuskan nafas terakhir di pangkuan isterinya, Datin Halimah dan dihadapan kaum keluarganya.

Jenazah Allahyarham telah dibawa ke Tanah Perkuburan Mahmudiah dengan menggunakan kereta meriam yang ditarik oleh anggota Angkatan Laut Diraja Malaysia. Seramai 300 orang dari pasukan Angkatan Bersenjata Tanah Melayu dan Askar Timbalan Setia Johor mengiring jenayah Allahyarham. Pada masa itu sebanyak 17 das tembakan meriam dilepaskan sebagai tanda penghormatan yang terakhir.

Dalam suasana hujan renyai-renyai

mengiringi pemergian pejuang bangsa itu, beribu-ribu rakyat memagari jalan raya sebagai memberi penghormatan yang terakhir sepanjang 3.22 kilometer yang bermula dari Istana Besar ke Tanah Perkuburan Diraja Mahmudiah. Di merata-rata tempat, tiang negara dikibarkan separuh tiang sebagai tanda berkabung.

Antara yang turut hadir dalam pengkebumian itu ialah Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu iaitu Tunku Abdul Rahman Putra yang mewakili Yang di-Pertuan Agong, Menteri-menteri Kabinet Persekutuan Tanah Melayu seperti Dr. Ismail, Dato' Mohamad Noah (Speaker Dewan Negeri), Tun Leong Yew Koh (Speaker Dewan Rakyat) dan Tun Sambanthan.

Lain-lain kenamaan ialah Tengku Daud Tengku Burhanuddin (wakil yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan), Ketua Menteri Melaka Encik Ghafar Baba, Menteri Besar Negeri Sembilan Dr. Muhamad Said dan Tuan Haji Yaakub Muhamad sebagai wakil dari kerajaan Singapura dan ramai lagi. Jenazah Allahyarham telah dikebumikan bersebelahan dengan makam bapanya Dato' Jaafar bin Muhamad dan abangnya Dato' Mustafa.